



# **POLITIK CIKGU**

oleh

**Haroun Ismail**

disunting oleh

**Webah Salleh**

Semenanjung \$5.00  
Sabah, Sarawak dan Brunei \$7.00

Percetakan Pertama, Januari 1982

© Hakcipta Pengarang dan  
Penerbit terpelihara

W.  
32-0-3-13  
HAR.  
202881



Diterbitkan oleh

**HAROUN PERANCIS**

26 FEB 1982

Perpustakaan Negara  
Malaysia

## TERIMAKASIH DARI WARTAWAN:

Saya sebagai mewakili suara rakyat di Malaysia dan di luar Negeri di seluruh Dunia mengucapkan ribuan terimakasih kepada Y.A.B. Datok Sri Dr. Mahathir Mohamad yang telah berjaya membuktikan janji-janjinya kepada rakyat dalam tempoh masa yang menakjudkan.


Kelahiran buku ini adalah bertujuan memperkenalkan sebahagian muka-muka baru dan lama dalam "Politik Datok Sri Dr. Mahathir/Musa" demi untuk Bangsa dan Negara.

Terimakasih juga diucapkan kepada pihak Kementerian Penerangan, Pengerusi Tetap Wanita UMNO Malaysia, Puan Normah Kamarudin Al-Haj, orang persاورangan dan mereka yang terlibat dalam memberikan kerjasama bagi menjayakan buku ini yang mana nama mereka tidak sempat dicatitkan satu persatu.

Ikhlas dari



Hareem Ismail



*Wartawan, Tengku Razaleigh, Dr. Mahathir. Kami memikirkan berlainan sudut, Peranan wartawan memerhatikan keadaan Politik Pasang dan Surut. Peranan Tengku Razaleigh memikirkan naik turunnya kewangan. Peranan Datuk Sri Dr. Mahathir memikirkan ke arah mana Negara tercinta untuk dibawa.*




*Cikgu Ghapar Baba di waktu memulakan Politik Anak Adik dan Basikal untuk rakyat di Melaka*

dari  
politik  
perun-  
arah



*Datuk Sri Dr. Mahathir yang naik menjadi Pemimpin Secara KONTROVERSI, beliau Pemimpin yang DINAMIS*

Ayam



*Dato Dr. Mohamad Nor tidak akan bertanding kalau mengkehendak HATI. Sebaliknya beliau mungkin akan bertanding kalau mengikut kemauan PARTI.*

*Ini semua terpulang kepada pilihan Dr. Mahathir/Musa dalam menentukan Arus politiknya.*



*Datuk Musa dipercayai penuh oleh rakyat kerana beliau sedar kemenangannya bukan bermakna keuntungan pada dirinya, sebaliknya kemenangannya merupakan tugas dan tanggungjawab yang mesti dipikulnya dengan pendirian yang tegas dan berani politiknya telah membuatkan Malaysia sebuah Negara Aman di rantau Asia!*

## AKU

Ramai orang mencariku  
Tetapi gagal menemui AKU  
Mengapa?  
Kenapa?  
Apa perlunya aku dicari?  
Dalam kampung aku bukan Cikgu  
Dalam kampung aku bukan Peguam  
Dalam kampung aku bukan Jutawan  
Aku dilahirkan tanpa kasta atau darjat  
Namun aku bukan suka merayu-rayu  
Tidak sanggup untuk mengampu-ngampu  
Dayus bagi manusia hidup cara begini!

Aku adalah ibarat burung dalam sangkar  
Dari tempatku, aku hanya boleh melihat  
Dari tempatku, aku dapat mengetahui apa yang mendatang  
Tetapi tidak dapat berbuat apa-apa  
Kerna mata terlepas badan terkurung  
Apa dayaku?  
Apa sebab?  
Kerana sangkar tidak mengenali burung!  
Kenapa sangkar tak kenal burung?  
Kerana sangkar benda mati

Aku dihimpunkan bersama Syaitan dan Malaikat  
Hanya Tuhan sahaja yang mampu menjatuhkan aku  
Dunia politik yang berlaku sekarang  
Adalah suatu yang tidak dapat dipisahkan  
Dengan kamus Politik Modern  
Bulan Jun, bulan UMNO mengadakan Perhimpunan Agongnya  
Bulan yang bukan sahaja menarik perhatian pemerhati-  
pemerhati Politik di tanahair, tetapi juga di luar negeri  
Kerana UMNO dianggap Parti yang menjadi tonggak kesetabilan  
Politik Negara

Kajian Doktor hanya mampu mengkaji setiap pesakit dapat dirawat  
Tetapi Doktor tidak mampu mengkaji kesakitan yang dihidap  
oleh pesakit  
Namun tiap-tiap sakit ada ubatnya.....

SEJARAH telah mencatatkan untuk kita mengenang kembali  
Peristiwa KERAJAAN MELAYU DIGULINGKAN. Kerajaan Melayu  
Melaka dalam Kurun 15 adalah satu-satunya Kerajaan Melayu yang  
paling gemilang sejarahnya.

Kegemilangan dan kecemerlangan sejarah keagunannya akhirnya  
berkecai oleh kejatuhannya. Ini adalah satu trajidi sejarah yang amat  
sedih. Sekiranya kekukuhannya tidak tercuit, kita Bangsa Melayu hari  
ini akan mempunyai sejarah yang sungguh berbeza. Kita mungkin  
akan merupakan bangsa yang matang dari apa yang kita wujud hari ini.  
Kita adalah bangsa yang merdeka dan mempunyai kebudayaan yang  
tulen.

Tetapi sayang seribu kali sayang, Kerajaan yang diagung seperti itu  
jatuh tertiarap ke tanah di bumi tempat ianya dibina. Ketandusan dari  
aspek-aspek perpaduan bangsa Melayu telah tercemar oleh tindakan  
beberapa golongan tertentu. Kenyataan yang Kerajaan MELAKA rebah  
di tangan Benggali Putih itu memangnya satu-satunya Bangsa yang  
kuat di kala itu. Mereka mempunyai segala kelengkapan di Melaka.  
TETAPI kejatuhannya oleh tindak tanduk segolongan pengkhianat  
Bangsa yang betopengkan ISLAM, telah meruntuhkan keluhuran  
maruah dan negara tercinta. Golongan ini hanya mahu menanggung di  
air keruh dan menjerat di pergentian — untuk kepentingan PERUI  
merekah sahaja.

Menyingkap kembali sejarah Melaka, kita mungkin faham  
golongan mana yang menolong menjatuhkan dan meruntuhkan  
Kerajaan Melayu Melaka di akhir Kurun 15 dan awal Kurun 16.  
Sengaja dimuatkan tulisan ini untuk mengenal kembali seorang India

Islam bernama NINA CHETU yang menjadi musuh bangsa M  
khasnya dan agama Islam amnya. Dialah yang telah memeca  
rahsia Melaka dan menjadi tali barut Portugis – dia berkawan d  
musuh negara untuk mendapat sedikit kepentingan hasil  
maklumat-maklumat kepada Ruy d'Aranso (semasa Ruy berada  
penjara Sultan Mahmud) untuk disampaikan kepada Alfonso  
Albuquerque, penakluk dan pemusnah Kerajaan Melayu M  
Dengan maklumat-maklumat itu (melalui surat-surat) memuda  
kerja-kerja Albuquerque untuk menawan Melaka. Maka lingk  
sebuah kerajaan yang dikenal sebagai KERAJAAN MELAYU.

Sebelum kisah Nina Chetu itu, kita pernah mendengar nama Tu  
dan Tun Mutahir. Mereka ini adalah Bendahara-Bendahara Melak  
turunan India Islam – mendapat pangkat tinggi hasil dari dal  
dakyah serta fitnah-fitnah yang mereka lakukan, di san  
kesempatan-kesempatan yang direbut atas kelemahan-kelem  
tertentu. Mereka adalah golongan yang tamak dan penuh dengan  
kehinaan. Tun Ali menjadi Bendahara Melaka selepas kem  
Bendahara Seriwak Raja (Bapa Tun Perak) atas dakyah  
tektik kotornya membusukkan nama orang lain sehingga Tun  
tersingkir dari gilirannya menjadi Bendahara Melaka. Sultan  
masa itu (Muzaffar Shah) tidak senang dengan sikap buaya darat  
Ali dan mencari peluang untuk menyingkirkannya dan peluang in  
bila Tun Perak menunjukkan keperwiraannya dalam pelbagai bi  
Tun Ali sedia memberi jalan kepada Tun Perak dengan syara  
(Tun Ali) dapat memperisterikan permaisuri Sultan Muzaffar S  
Satu perasugut yang paling hina dalam sejarah!!!

Tun Mutahir (India Islam) menjadi Bendahara Melaka se  
kematian Tun Puteh (Pengganti Tun Perak) yang diracun oleh  
Mutahir. Tun Mutahir lah petualang yang besar yang merosa  
Kerajaan Melaka. Dengan sifat tamak, gila pangkat, rasuah  
lain-lain sifat keji – membawa keruntuhan Melaka. Dialah  
menerima kedatangan Portugis dengan rasminya, memberi pel  
kepada penjajah itu untuk bertapak dan akhirnya dia dihukum

Melayu oleh Sultan Mahmud kerana kerja-kerjanya itu. TETAPI Sultan tidak sempat memulihkan Kerajaannya yang banyak rosak oleh Petualang TUN MUTAHIR sehingga membawa kejatuhannya dalam tahun 1511. Semasa Sultan berusaha untuk mendapatkan kembali Kerajaannya, tiada seorangpun dari golongan petualang itu yang datang menolongnya. Akibatnya Tanah Melayu terjajah sehingga tahun 1957..... 446 tahun lamanya.

Sekarang di zaman selepas 446 tahun PENJAJAHAN, apa yang menjadi krisis nilai pada hari ini adalah akibat setengah golongan yang ingin memaksa nilai-nilai hidupnya itu diterima oleh orang lain; cara-cara hidupnya diikuti oleh orang lain dan memaksa orang lain menilai hidup ini mengikut kata hatinya. Apabila wujudnya sikap COMPULSION begini, maka timbul reaksi yang bertentangan dan akhirnya kita berhadapan dengan apa yang dikatakan KRISIS NILAI.

Namun apapun bentuk persoalan yang dihadapi oleh Negara ini sekarang, pokok persoalan yang pertama yang dapat membawa pertingkatkan ideologi yang hebat serta meredakan API PEPERANGAN adalah soal kelas, iaitu golongan yang tertindas menentang golongan yang menindas. Penindasan itu boleh merupakan penindasan keadilan, penindasan kebebasan, penindasan ekonomi, sosial ataupun politik. Tetapi paling utama soal PERUT dan EKONOMI lah yang akhirnya akan membawa redanya.

Sejarah telah membuktikan kepada kita bahawa peperangan saudara Amerika dan peperangan kemerdekaan Amerika adalah berpunca dari isu ekonomi. Kita juga telah dibuktikan bahawa Revolusi Perancis dan kebangkitan Nasionalisma Perancis adalah soal perut dan penindasan EKONOMI. Revolusi Russia Amerika dan Revolusi Cina berjaya kerana rakyatnya kelaparan dan memerlukan MAKANAN.

.....BEGITU JUGA DENGAN MALAYSIA, SETIAP PERUBAHAN RADIKAL DI NEGARA INI BUKAN SEMATA-MATA KERANA

## PERTEMBUNGAN IDEOLOGI TETAPI IANYA AKAN PENGARUHI OLEH FAKTOR-FAKTOR EKONOMI!!

Hakikat yang sebenarnya mengenai Malaysia, tanpa Sabah, Sarawak dan Semenanjung Tanah Melayu, tanpa orang Asli, Melayu, Peranakan, Iban, Kadazan, Murut dan lain-lain kaum yang membentuk masyarakat kita beraneka warna dan rupa, kesimpulannya tidak ada MALAYSIA.

Kita mau bangsa kita LIBERALISME ..... Liberal erti MERDEKA, bebas. Isme, ertinya faham, atau aliran ..... LIBERALISME yang bermaksud faham kemerdekaan, dan dengan segala sesuatu inginkan MERDEKA. Contoh yang ialah negara Perancis. (Berdasarkan pengalaman hidup pengasas di sana). LIBERALISME dalam faham ekonomi ini ditimbulkan sudah Revolusi Perancis (1785) — yang dipopularkan oleh Adam Smith 1723 — 1790, dengan semboyan *laissez faire, laissez faire*.

Orang yang berfahaman ini, selalu mengemukakan kemerdekaan dalam segala tindak lakunya, sebagai buah fikiran yang ditimbulkan oleh Revolusi besar itu dan sebagai pertentangan dari peninggalan zaman Feudalisma yang bermaharajalela, semasa pemerintahan Louis Lodewijk turun-temurun. Pemerintahan yang tidak mempunyai hak campur tangan dalam soal ekonomi, menurut aliran liberalisme dengan semboynannya: merdeka berbuat, merdeka berdagang.

Liberalisma dalam faham POLITIK CIKGU tidak dapat dipersamakan dengan fahaman POLITIK PERJUANGAN ISLAM. sebab kemerdekaan fahaman Islam begitu luas, tidak dapat dipersamakan dengan fahaman ciptaan mendiang Abraham Lincoln, sebagai pencipta kemerdekaan Amerika. Tidak pula sama dengan apa yang diciptakan oleh Volter, Montesqueau atau J.J. Rosseau menjelang api Revolusi Perancis.

Selepas Tanah Melayu, bila mana Tunku Abdul Rahman mengumumkan isytiharkan negara ini MERDEKA 31 Ogos, 1957, bererti kita tahu

DI- telah dibebaskan dari belenggu PENJAJAH. Dapatkah kita hidup  
MERDEKA DALAM KEMISKINAN? Dapatkah kita HIDUP  
MERDEKA DALAM KETAKUTAN? Suara Tunku lantang  
meneriakkan "MERDEKA! MERDEKA! MERDEKA!!!" Ini  
bererti kita telahpun dimerdekakan.....

Yang mana erti merdeka itu ialah Kemerdekaan Berbicara  
(FREEDOM OF SPEECH), kemerdekaan menganut agama  
(FREEDOM OF RELIGION), kemerdekaan terlepas dari pengaruh  
ketakutan (FREEDOM FROM FEAR), kemerdekaan terjauh dari  
kelaparan dan kekurangan, kemiskinan dan kesengsaraan  
(FREEDOM FROM WANT).

#### **KEMERDEKAAN BERBICARA:**

Kita diberikan kemerdekaan berbicara, kebebasan seseorang untuk  
mengeluarkan pendapatnya, kebebasan untuk mengemukakan kepada  
khalayak umum apa yang dirasakan berguna untuk masyarakat Umum.  
Hingga tiap-tiap orang diberikan kebebasan untuk mengeluarkan  
segala isi pendapatnya dengan tiada larangan atau rintangan, asal saja  
berguna untuk kepentingan masyarakat dan negara.

Kemerdekaan menulis untuk mengumumkan pendapat-pendapat  
dalam siaran-siaran, seperti surat-suratkhabar dan lain-lain media hingga  
dapat dibaca umum dan diperhatikan oleh pemerintah serta  
anggota-anggota perwakilan rakyat. Kerana dengan mengeluarkan pen-  
dapat umum ini dapatlah pemerintah mengemudikan kembali  
pemerintahan dan dapat mengukur pendapat umum "PUBLIC  
OPINION".

MENAHAN PENDAPAT UMUM INI, SEOLAH-OLAH MENAHAN  
DARI PERBENDAHARAAN MANUSIA ATAU SEBAGAI  
MENAHAN KEMUNCAK GUNUNG BERAPI YANG SEWAKTU  
WAKTU MUNGKIN MELETUS MEMBAWA BAHAYA YANG  
AMAT BESAR.

Terutama sekali kemerdekaan berbicara ini dipergo di muka PENGADILAN. Tiap-tiap orang diberikan kelonggaran mengeluarkan apa yang terasa di hati, dengan tidak ada halangan. Guna meringankan diri dalam perkara itu, hingga dapat mengemukakan apa yang terasa, sampai puas apa yang ditimpakan padanya.

#### **KEMERDEKAAN AGAMA:**

Kemerdekaan menganut agama apa saja yang dikehendaki dengan tidak ada rintangan apa-apa dari pemerintah. Masing-masing diri boleh memilih agama yang dipercayainya, yang sesuai dengan diri dan keyakinannya, hingga tidak ada paksaan bagi seseorang untuk memeluk agama yang dipeluk oleh KERAJAANnya. Tiap-tiap orang boleh beragama, apa saja yang dikehendaki. Tiap-tiap agama wajibnya berhak mendapat sokongan dari KERAJAAN yang memerintah.

#### **KEMERDEKAAN KESELAMATAN:**

Kemerdekaan terlepas dari pengaruh ketakutan, jaminan kepada tiap diri dan keselamatan dari penganiayaan orang lain dan kehilangan harta bendanya. Masing-masing dapat hidup tenteram tanpa gangguan dan paksaan yang mengacau fikiran. Untuk ini oleh kerajaan diwujudkan satu kekuasaan (warta kerajaan) yang biasanya berupa polisi, bertugas menjaga keamanan dan ketenteraman. Dengan inilah pula diharapkan supaya tiap-tiap warganegara boleh nyenyak tidurnya, mengerjakan pekerjaannya dengan selesa.

#### **KEMERDEKAAN KESENGSARAAN:**

Terjauh dari kelaparan dan kekurangan penghidupan, kemerdekaan dan kesengsaraan. Masing-masing berhak hidup untuk mencari kebahagiaan hidupnya. Masing-masing diberi hak untuk turut dalam pemerintahan untuk mendatangkan rezeki, bagi nafkah hidupnya. Dipandang dari sudut ini, apabila seseorang tidak dapat kehidupan yang menjamin ekonomi, nescaya Masyarakat itu akan rosak. Sebab itu tiap-tiap warga negara itu adalah sebahagian dari anggota masyarakat keseluruhannya.

Kerana itu amat perlu adanya jaminan dari bahaya kekurangan makan atau kelaparan (PAUPARISME).

Kemerdekaan Tanah Melayu yang dituntut oleh Bangsa Melayu adalah untuk melepaskan mereka dari perbudakan yang sewenang-wenangnya. Persamaan yang dituntut oleh mereka itu ialah agar tidak ada perbezaan antara seorang dengan lainnya. Hak sama-rata sama rasa yang dituntut oleh bangsa Melayu ketika itu adalah kerana sudah sekian lama mereka meringkuk dalam masyarakat PENJAJAH yang mana golongan FEUDALISMA, yang membeza-bezakan kaum manusia UMUMNYA. Sedangkan manusia dijadikan sama, dilahirkan dalam suasana yang sama, hingga manusia dapat duduk sama rendah, tegak sama tinggi.

Kita manusia dilahirkan MERDEKA, mempunyai persamaan hak. Tidak ada perbezaan hak antara satu sama lainnya, hanya menurut kepentingan masyarakat umum dalam negara mereka. Kita maukan Bangsa kita jua mempunyai tujuan yang penting dari masyarakat manusia, untuk memelihara hak-hak tabiat dari manusia "HUMAN NATURE RIGHT". Sedangkan hak-hak itu tidak akan dapat dirosakkan. Ini tidak akan lekang oleh panas dan tidak akan lapuk oleh hujan! Seperti hak kemerdekaan; hak-hak memiliki kesenangan.

Tiap-tiap kekuasaan harus ditimbulkan oleh rakyat sendiri, hingga seseorang atau golongan tidak berhak untuk memaksa atau melarang sesuatu, kecuali menurut hukum dari rakyat yang telah ditetapkan oleh KERAJAAN. Kemerdekaan jadi dasar kebebasan bekerja, hingga masing-masing dapat mempergunakan hak-hak mereka, mengembangkan bakat pemberian Tuhan dengan sebebas-bebasnya dalam lingkungan daerah yang tidak mengganggu keamanan orang lain dan ketenteraman UMUM.

Tidak ada suatu kuasa yang dapat menegah orang untuk mengerjakan sesuatu, kecuali kalau pekerjaan itu mengganggu

keamanan bersama, hingga segala sesuatu yang tidak dilarang hukum boleh diperbuat dan tidak seorangpun yang dapat menyalahkannya selama hukum itu tidak ada paksaan. Hukum adalah simbol keinginan tertentu dari rakyat. Oleh sebab itu menjadi hak bagi tiap-tiap penduduk untuk campurtangan meletakkan suatu undang-undang di sini, sebagai larangan suruhan (negative or positive command), yang menjadikan mereka sama dalam kedudukannya atau dalam pangkat pekerjaannya hanya diperbezakan menurut kecekapan, pembawaan dan kesanggupan yang ada pada diri masing-masing.

Tidak boleh menuduh, menahan atau mencolek seseorang kecuali kalau memang sudah ada undang-undang yang didasarkan atasnya. Seseorang yang memperlakukan atau bersekutu melakukan perbuatan itu dengan sewenang-wenang dianggap melanggar undang-undang. Tiap-tiap orang yang melanggar undang-undang wajib mendapat HUKUMAN. Tidak boleh ada undang-undang selain dari apa yang berguna untuk keperluan masyarakat, tidak boleh menghukum seseorang kalau terlebih dahulu tidak ada tertulis dalam kitab HUKUM.

Seseorang boleh ditahan bila didapati melakukan kesalahan. Apabila berlaku penganiayaan dalam masa dia ditahan, sebenarnya tidak ada bukti kesalahannya, penganiayaan itu harus mendapat tuntutan keras. Tidak boleh seseorang itu ditahan kerana mengeluarkan pendapat fikirannya selama pendapat itu mengganggu keamanan umum.

Mengeluarkan pendapat dan fikiran, adalah hak suci dari tiap individu. Oleh sebab itu setiap orang boleh menulis dengan kemerdekaan, asal saja tidak mengganggu ketentuan-ketentuan yang sudah ditetapkan oleh undang-undang. Untuk menjamin kemerdekaan tiap-tiap hari ini, harus ada kekuasaan umum, kekuasaan umum ini harus ditimbulkan untuk kepentingan tidak untuk kepentingan golongan yang diserahi urusan KEMERDEKAAN sahaja.

Untuk mengekalkan kekuasaan umum ini dan untuk menjalankan peredaran kerajaan umumnya, haruslah ketentuan umpamanya pembayaran pajak bagi tanah seseorang yang digunakan. Penarikannya pula haruslah dilakukan secara samarata bagi seluruh anggota masyarakat menurut keadaan hartanya (kecuali: orang-orang tua dan kanak-kanak cacat).

Tujuan tiap-tiap penduduk melibatkan dirinya atau wakilnya dalam menetapkan pajak yang akan dipergunakan bagi kepentingan umum ialah supaya penetapan itu dibuat secara merdeka dengan cukup aturan-aturan lamanya dipergunakan dan cara penarikannya.

Kelompok masyarakat, harus menentukan tiap-tiap urusan dan mengawasi pekerjaan tiap-tiap anggota pegawainya. Kelompok masyarakat yang tidak mempunyai jaminan atas hak-hak diri dan tidak ada pembatasan kekuasaan antara pembuat undang-undang menjalankan undang-undang dan kehakiman, adalah di larang keras dan dianggap menyalahi undang-undang dasar.

Disebabkan hak milik adalah suci, tidak dibenarkan seseorang menyinggung dan tidak boleh seseorang mempergunakannya kecuali di mana kepentingan umum menghendaknya, dan sudah tentu harus ada ketentuan dalam kitab undang-undang. Inilah dasar-dasar hak manusia atau hak kemerdekaan diri individu, yang sudah ditetapkan oleh manusia juga di kala itu.

Tetapi sayang seribu kali sayang, ahli-ahli POLITIK CIKGU tidak megetahui apa yang mereka politikkan! Janganlah Cikgu terlalu memandang kepada bintang yang tinggi dilangit sedangkan rumput yang hijau dibumi dipijak. Memanglah menjadi hakikat setiap Cikgu mempunyai peluang berdampingan dengan Menteri Pelajaran. Kerana Cikgu UMNO terpaksa mengambil hati dan budi MENTERInya tentulah memilihnya menjadi Naib Presiden UMNO.

Apakah benar-benar Cikgu faham tentang politik atau semata-mata kerana sentimen satu kementerian selalunya memilih atau memberi undi mereka kepada MENTERI PELAJARAN? Memang boleh! Datok Musa telah berjaya menggunakan Cikgu untuk mencapai tujuan politiknya. Andainya Datok Musa tidak menggunakan kesempatan ini, maka dia tentu dikira ahli politik ombak. Ombak yang indah kelihatan dari jauh, tetapi menghempaskan diri di tebing air, lantas terus mengaut pasir dan akhirnya terus mengikut ARUS.

Cikgu telah memainkan peranan begitu jauh demi membantu Datok Musa menjadi orang kuat sesudah Tun Hussein Onn dan Dr. Mahathir, tetapi PEMBORONG dan PEMBOHONG gagal mengekalkan kedudukan Tengku Razaleigh Hamzah yang pernah mengalahkan Dr. Mahathir beberapa tahun yang lalu. Malah beliau jua dikenali sebagai wira UMNO sesudah berjaya mencapai kemenangan di Kelantan. Dan kekalahan Tengku Razaleigh telah membuktikan bahawa MELAYU TIDAK BOLEH DIBELI LAGI. Ini satu sejarah yang tidak pernah berlaku dalam UMNO, "SHABAS".

Beginilah POLITIK CIKGU!! Ramai orang tahu sesudah Merdeka muncul CIKGU GHAFFAR! CIKGU GHAFFAR BABA! Cikgu Politik, Cikgu yang pernah memakai selipar Jepun berlegar-legar di Melaka, Alor Gajah, malah di pekan Masjid Tanah yang merupakan kawasannya pada suatu ketika. Tetapi setelah politik anak ayam dan basikalnya berjaya, sekarang beliau telah berpindah ke Jasin.

Andainya Jassin tidak mampu menerima Ghaffar lagi tempat Ghaffar akan digantikan oleh Adib Adam dan akan berpindah jadi menteri pusat dengan tiket kawasan Parlimen Jassin. Setelah tiket ini diterima oleh Adib, barulah timbul siapa Menteri Besar Melaka selepas ADIB.

Cikgu Ghaffar masuk ke mana-mana sahaja seperti di kedai kopi, ke pasar dan di mana saja orang ramai berkumpul dengan tujuan bermesra dan bergurau senda! Cikgu Ghaffar dan Cikgu Ghani Ishak menegur siapa saja yang melintas di depannya. Beginilah Cikgu meluaskan pengaruh politiknya dalam UMNO. Kunci kejayaan Cikgu Ghaffar dalam UMNO ialah setelah beliau memberikan basikal dan anak ayam untuk UMNO MELAKA.

Kegagalan politik Cikgu Ghani Ishak ialah setelah gagal mendapatkan 200 ekar tanah untuk memelihara udang, dan beliau terus dibicarakan atas beberapa tuduhan sewaktu mempunyai KUASA POLITIK, akhirnya dipenjara sebagai BANDUAN. Dengan itu beliau telah menamatkan politiknya menang jadi arang, kalah jadi abu.

Kegagalan politik Cikgu Ghani Ali ialah dengan tertubuhnya GABEMA, Gabungan Estet Melayu Melaka dengan mengambil tanah seluas 3,330 ekar di kawasan Kuala Sungai Baru, yang mana Cikgu Muhamad bin Jais seorang dari WIRAnyA. Bagaimana pula kedudukan politik Cikgu Muhamad bin Jais? Dapatkah beliau memperjuangkan POLITIK CIKGU?

Kegagalan politik Cikgu Mohamad bin Jais mungkin berpunca dari surat terbuka seorang wartawan kepada wakil rakyat tersebut. Surat tersebut yang bertarikh 7 September, 1981 menyentuh isu-isu seperti berikut:

- a) Bilakah perternak babi secara haram di kawasan yang Berhormat itu dapat diselesaikan? Mengikut keterangan enekmen Perternak Babi, masalah Babi itu akan diselesaikan dalam tempoh tiga bulan.
- b) Sungguhpun ada rintanganyang menghadkan kejayaan konsep Yang Berhormat sebagai kerajaan berparti, tidak bererti parti tidak boleh mengikut kehendak-kehendak dasarnya.

- c) Yang Berhormat tidak wajar melupakan kawasan UMNO seperti Kampung Guan, Kampung Baharu, Kampung Teluk Belanga dan UMNO kawasan Teluk Gong yang kononnya kawasan Lawan, kawasan rakyat tidak memberi undi.
- d) Kuasa Politik Yang Berhormat telah menggagalkan usaha rakyat UMNO yang walaupun tinggal di sekitar tahi babi terkandas namun cuba menerangkan hutan rimba untuk bercucuk tanam; dengan alasan tanah itu hendak dijadikan padang bola.
- e) Yang Berhormat dianggap sebagai WIRA dalam memperjuangkan Politik Datuk Setia Ghani Ali, tetapi Y.B. tidak sanggup bersama mengharungi pahit manis perjuangan itu.

Wartawan tersebut mencurahkan rasa tidak senang rakyat UMNO khususnya penduduk Islam dengan TAHI BABI yang terkandas di tepi jalan tidak jauh dari Sekolah Rahmat ke Pekan Kuala Sungei Baru.

“Mana janji Yang Berhormat mengatakan tahi babi akan berkurangan, sedangkan tempoh yang dikatakan telah berlalu. Ini membuktikan perternak babi semakin berleluasan Sejak bila mereka menternak secara haram?”

Tidak ada ertinya melaung-laungkan “parti itu kerajaan dan kerajaan itu parti” tanpa menimbulkan sebarang kesan. Apa yang penting ialah langkah-langkah konkrit yang diambil bagi memberi erti kepada pucuk pimpinan Dr. Mahathir.

Adalah suatu tindakan yang tidak wajar bila membiarkan kawasan Kampung Guan, Kampung Baharu, Kampung Teluk Belanga dan Kampung Telok Gong menderita dengan jalanraya yang tidak dibaiki, sedangkan kawasan Bukit Beruang mempunyai jalanraya yang termoden. Malah Kampung ini menerima bau najis babi mujurlah Bau Najis Babi tidak HARAM dalam Islam.

Di kawasan sekitar TAHI BABI terkandas, rakyat UMNO kawasan Kampung Baharu dan Kampung Guan serta yang lainnya cuba menerangkan hutan rimba tanah kerajaan untuk bercucuk tanam sayur-sayuran dan mendirikan tempat kediaman. Tetapi usaha mereka telah digagalkan. Apa yang nyata tanah-tanah tersebut sebahagiannya telah menjadi hutan kembali dan sedikit tanah yang ditambak untuk dijadikan padang bola kononnya.

Dalam memperjuangkan seseorang TOKOH, seorang WIRA haruslah bersikap jujur dan setia, ingin sehidup semati dengan pejuang yang disokongnya. Tetapi ternyata Cikgu Mohamad bin Jais hanya berjuang untuk kepentingannya sahaja.

Di samping itu Cikgu Mohamad bin Jais telah melakukan kesalahan undang-undang yang tidak sewajarnya berlaku kepada seorang pemimpin seperti beliau. Memanglah tidak dapat dinafikan bahawa setiap orang tidak sunyi dari melakukan kesilapan kerana insan adalah bersifat lemah. Tetapi kelemahan manusia ada batas dan ada peringkatnya. Masakan seorang pemimpin boleh melakukan kesalahan mengakibatkan jatuh darjatnya sebagai seorang pemimpin yang disegani rakyat.

Kejadian mencuri pensel di sebuah supermarket bolehlah dianggap suatu kejadian kecil kiranya ia berlaku kepada seorang rakyat biasa. Namun dari segi undang-undang, samada barang yang dicuri itu kecil atau besar nilainya hukuman adalah sama. Dan undang-undang tidak mengenal rakyat ataupun pemimpin bila berlaku kejadian-kejadian yang melewati batas undang-undang.

Kerana itu disiplin diri adalah penting bagi setiap manusia. Tidak dapat dinafikan bahawa dalam soal disiplin ini para Cikgulah yang lebih mempraktikkannya kerana tugasnya sentiasa bersiap sedia menghadapi murid-murid yang mempunyai seribu satu macam perangai. Malangnya Cikgu lebih gemar berpolitik dan tidak menghiraukan apa yang berlaku di hadapan matanya!

Kemiskinan di kalangan masyarakat Melayu merupakan satu fenomena yang tidak pernah langsi dibicarakan. Sejak dari negara mula berpolitik Cikgu hingga ke Rancangan D.E.B., beranika program telah disusun untuk mengatasi masalah ini. Berbagai kertas kerja ditulis, banyak buku dikarang, simposium dan seminar tidak pernah jemu diadakan. Namun kemiskinan tetap menjadi fenomena sosial yang paling ketara. Semakin banyak usaha dibuat, nampaknya kian ketara pula masalah itu.

Apakah ianya satu warisan yang tidak pernah ada jalan penyelesaian? Adakah ianya satu penganugerahan dari penjajah untuk kita menerimanya bulat-bulat? Semua ini merupakan persoalan kontroversi yang perlukan jawapan bagi satu penyelesaian yang konkrit. Atau POLITIK CIKGU saja yang akan membawa redanya?

Kalau mau dibandingkan umur politik Cikgu tentu begitu jauh dengan umur setahun jagung. Tingkatan pengalamannya masih belum lagi ke tahap yang menggalakkan. Tetapi Cikgu telah cuba menunjukkan keperwiraannya dalam pelbagai bidang SIASAH. Sayang, bidang yang menjadi tanggungjawab CIKGU diabaikan. Tugas Cikgu mengajar! Mengapa BERPOLITIK CIKGU?

Bila politik Cikgu Mohamad Jais terjejas dari perbuatannya sendiri yang diibaratkan seperti semut. Semut tidak boleh merasakan dirinya berbulu lantas semut akan terbang, malangnya terbang semut tidak boleh jauh dari gula semut hanya mampu terbang mencari Api. Apakah Semut Api itu perlu dibakar? Kalau semut itu sendiri masuk dalam api..... Siapa yang harus disalahkan? Itulah semut Api.

Wartawan telah memainkan PENA beracun, PENANYA telah mengugat kedudukan Cikgu Mohamad Jais yang tidak dihormati lagi. Rakyat tempatan telah mula menunjukkan muka baru yang bergelar Dato' .... Dato' ini telah menjadi sebutan di merata pelusuk negeri Melaka malah di Malaysia. Kenapa dan Mengapa? Siapa yang memberikan penghormatan Dato'? Apakah jasanya tidak ada di Melaka? Apakah jasanya di Malaysia tidak ada di Melaka? Adakah projek

RISDA di Melaka? Apakah Dato' Dr. Mohamad Nor namanya saja Melayu, tetapi otak, tulangnya, hatinya dan darahnya bukan Melayu? (nasionalisma).

Dr. Mahathir/Musa dan ramai lagi tidak akan berani menafikan jasa-jasa Dato' Dr. Mohamad Nor Abdullah Alhaj kepada Negara dan Bangsaanya.

Satu sen harga getah mengalami kesulitan. Apakah akibatnya kepada Negara? Setengah sen harga getah diturunkan berapa ramai raayat Malaysia yang hujan di hati (menangis kaum tani), tetapi hujan-hujan di muka bumi kelihatan nyata dengan petanda basahnya Bumi. Tapi yang menyedihkan pernah gulungan yang tidak bertanggungjawab menaburkan surat monolog. Siapa yang melakukannya? Apakah jenis manusia ini? Mengapa tidak berani menulis surat terbuka yang bertanggungjawab seperti Dr. Mahathir dengan Tunku, saya dengan Mohamad Jais.

Siapa Dato' Dr. Mohamad Nor Abdullah Alhaj Dato' Mohamad Nor Alhaj DIMP, AMN, BA (Hons) MPA, PhD dilahirkan di tempat lahirnya, Pemimpin-pemimpin PURBA (Melaka) kual asal namanya, Kuala jadikan sebutan, kual nama seekor burung yang hidup lebih tinggi dari cenderawasih burung di awan.

Hari ini cenderawasih sendiri telah mengakui suara kual lebih merdu darinya. Beliau dilahirkan 2 Mac, 1941 di Kuala Sungei Baru, Melaka. Mendapat didikan di Melaka High School, Raffles Institution Singapore, Universiti Malaya lulusan kursus pentadbiran Awam dan Hal Ehwal antarabangsa, tamat pengajian di Universiti Pittsburgh, New York.

Sekarang belia sebagai ketua Pengarah ibu Pejabat RISDA (ketika itu sebelum usianya masih muda (32) beliau pernah ditugaskan sebagai ketua Pengarah Pusat Pengajian Pelajaran Pelajaran). Terdahulu dari itu pernah menjawat jawatan Ketua Penolong Setiausaha kepada Kementerian Pelajaran, Pegawai Kemajuan Pentadbiran, menjawat jawatan di Jabatan Perdana Menteri. Sebagai ketua Penolong Setiausaha (N.O.C.)

pernah memegang jawatan Ahli Lembaga Pusat Kemajuan Kajian Getah (London) Lembaga Pusat Kajian Getah (Malaysia) Lembaga Perlesenan dan Pasaran Koperasi Kemajuan Getah Malaysia, Pengarah AMSELL Malaysia dan Pacifik Forum Hawaii. Beliau juga Ahli Jawatan Kuasa Biro Ekonomi UMNO Malaysia.

Pengerusi Jawatan Kuasa Pertanian dan Perikanan dalam Biro Ekonomi UMNO Malaysia pernah terpilih menjadi Ahli Jawatan Kuasa Bahagian Alor Gajah. Beliau juga Ketua UMNO Cawangan Kampong Baru, Kuala Sungai Baru Melaka.

Tinjauan dari para Pemberita tempatan dan para pemerhati politik juga ahli-ahli politik serta orang ramai mensifatkan beliau sebagai orang yang paling layak kerana banyak pengetahuan dan pengalaman, serta mempunyai pengalaman di dalam pelbagai lapangan pentadbiran, di mana beliau memainkan peranan penting bagi Negara. Beliau memainkan peranan penting bagi Negara. Beliau yang mempunyai sikap yang tegas, jujur, personaliti yang tinggi, bersesuaian dengan cita-cita dinamis Bapak Malaysia yang baru bersama timbalannya yang tegas dan berani Datuk Musa Hitam.

Apakah kerja Cikgu menyoal-jawab murid?

Adakah tugas murid menjawab soalan Cikgu?

Apakah kerja wartawan menyoal-jawab Pemimpin?

Adakah tugas Pemimpin menjawab soalan wartawan?

Ada murid yang tak dapat menjawab disebabkan malu, takut, bodoh, takut salah jawab nanti dipukul Cikgu.

Ada para Pemimpin sukar ditemui kerana pagar pagarnya tidak memberi peluang untuk berjumpa dengan Pemimpin atas sebab-musabab yang sukar difahami. Ini bukan bererti Pemimpin itu takut menemui wartawan untuk diwawancara atau ditemuramah. Misalnya wartawan telah menyediakan soalan untuk menemui YAB Encik Adib Haji Adam bagi menghuraikan masalah politik Melaka untuk faedah Rakyat dan Pemimpin. Tetapi kerana kesukaran untuk menemui YAB akhirnya soalan ini tidak dapat dikemukakan kepada beliau.

Ramai rakyat Melaka yang sukar menemui Y.A.B. Adib Hj. Adam, entah mengapa, saya tidak tau. Tetapi ramai rakyat Malaysia yang puas hati dengan mudah dapat menemui pemimpin-pemimpinnya termasuk Dr. Mahathir maupun Datok Musa. Dengan ini wartawan mengambil keputusan untuk menyoalnya dengan niat biar YAB Encik Adib menjawabnya sendiri.

## UJIAN POLITIK ADIB ADAM

SOALAN: Apa faktor penting yang menyebabkan En. Adib menceburkan diri dalam dunia politik?

JAWAPAN:

SOALAN: Sekembali En. Adib memegang teraju kerajaan negeri Melaka. Adakah benar UMNO Melaka ketika itu ketua Menterinya Datuk Setia Ghani Ali membawa Melaka ke langkah kebangkrupan. Bagaimana dengan hal ini?

JAWAPAN:

SOALAN: En. Adib ini satu pertanyaan tentang Yayasan Islam Melaka semasa baru ditubuhkan dulu sentiasa menyebut tentang penyelewengan dalam Yayasan tersebut. Boleh En. Adib buktikan?

JAWAPAN:

SOALAN: Apa tindakan kerajaan berhubung kegagalan Yayasan Islam Melaka yang ingin membeli saham Syarikat Sri Lingga, waktu itu saya berada di Paris?

JAWAPAN:

SOALAN: En. Adib rancangan menambak laut di kudat (sabah) seluas 430 ekar telah menelan belanja 60 juta ringgit. 60 juta ringgit terbuang ke dalam laut. Berapa juta ringgit pula kerajaan Melaka membuang RINGGIT? dan berapa ekar kawasan laut yang akan ditambah?

JAWAPAN:

SOALAN: Sekarang En. Adib sudah menjadi Ketua Menteri Melaka. Ketua Kerajaan! Apakah rancangan En. Adib dan kerajaan untuk diberikan kepada raayat?

JAWAPAN:

SOALAN: Bagaimana kalau boleh saya mendapat tau rancangan kerajaan?

JAWAPAN:

SOALAN: Mengikut keterangan En. Adib, kerajaan En. Adib sedang berusaha membantu raayat. Saya setuju!

Tapi bagaimana dengan tuduhan-tuduhan bahawa kerajaan En. Adib merugikan Bangsa Melayu? Boleh En. Adib buktikan?

JAWAPAN:

SOALAN: Apa komen En. Adib pula tuduhan-tuduhan bahawa kerajaan En. Adib tidak mengutamakan orang Melayu?

JAWAPAN:

SOALAN: Satu pertanyaan lain, En. Adib kononnya sejak mengambil fotfolio ugama Islam Melaka telah berpandukan kepada seorang bekas Mufti Sabah 'Datuk Hj Ahmad' bekas kesayangan Tun Mustaffa yang faseh memahami empat mazhap. Kepada beliauulah En. Adib merujuk segala perkara yang berkait soal ugama 'Penasihat ugama En. Adib' adakah benar?

JAWAPAN:

SOALAN: Khabar-khabar yang tersebar luas bahawa En. Adib menjalankan pentadbiran sentiasa di bawah tekanan. Maksudnya tekanan orang-orang bukan bumiputra. Apa komen En. Adib.

JAWAPAN:

SOALAN: Apakah langkah En. Adib mengadakan rancangan luar bandar dan bagaimana pula dengan rancangan perindustrian?

JAWAPAN:

SOALAN: Bagaimana dengan rancangan menambahkan perkembangan dan ketinggian mutu pelajaran di Malaysia?

JAWAPAN:

SOALAN: En. Adib ini pertanyaan saya yang terakhir, benarkah En. Adib telah menyambong lesen-lesen penternak BABI di paya men-kuang dan Man Lok dalam pilihan raya kawasan Y.B. Mohamad b. Jais? Apa yang ternyata dalam akbar tempatan iaitu wakil raayat tempatan ada menyebut bahawa kesemua penternak itu adalah secara HARAM? dan mengapa dibiarkan sejak begini lama?

JAWAPAN:

Bangsa Melayu yang menjadi penduduk asal Negara ini (NATIVE LANDS) adalah bersaudara dengan orang Indonesia, Kemboja dan Campa. Dari tahun 2500 hingga 1500 S.M. datang pula orang Melayu jati (PROTO MALAY) dari Yunan. Mereka adalah lebih bertamadun dari orang-orang Boabinh. Orang-orang Melayu jati tinggal di dalam pondok-pondok buluh yang dibina di tepi-tepi sungai. Nenek moyang orang Melayu, iaitu Melayu Duetero telah datang pada kurun-kurun akhir sebelum masehi. Mereka serba sedikit berpengetahuan tentang penggunaan logam.

Bangsa Melayu telah mendirikan Kerajaan yang paling masyhur sebelum Negara ini dipanggil Melaka. Pada ketika itu Negara kita dipanggil Semenanjung Emas. LANGKASUKA, Kerajaan yang didirikan pada awal kurun Masehi di Patani yang terletak di utara Semenanjung. Langkasuka kekal hingga Kurun Keenam. Fan Syuhman, Raja Kerajaan Yunan dipercayai telah menakluk Langkasuka dari Kurun Kedua hingga Kelima.

Bahasa Melayu telah menjadi Bahasa Kebangsaan. Bahasa ini telah menerima pengaruh Bahasa Sanskrit, Arab, Parsi, Portugis dan sebagainya. Taukah Cikgu Sejarah ialah cerita benar mengenai benda, perkara, tempat, manusia dan peristiwa yang telah berlaku?

POLITIK CIKGU hanya satu perkara baru. Politik Cikgu tidak akan jauh beredar hanya sekadar perbuahan kanak-kanak, dan persatuan Ibu-bapa. Kemosrotan kelulusan pelajar berlaku kerana Politik Cikgu! Bahana kelemahan pelajar-pelajar dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia terutama pelajar-pelajar Melayu ialah kerana adanya sikap memandang mudah bahasa sendiri di kalangan Politik Cikgu.

Pengabaian ini akan berterusan sekiranya Cikgu bercerita tentang hal-hal yang tidak ada sangkut paut: Cerita Parti, Cerita Melawat Negeri, atau cerita-cerita yang merugikan pelajar-pelajar.

Cikgu yang mengabaikan pengajarannya samalah seperti KUMAN dalam keruntuhan mutu pelajaran kebangsaan kita. Tidak dapat dinafikan, bukan sedikit bilangan Cikgu yang mengajar bermati-matian dan mereka ini mendapat pujian dan sanjungan dari para murid dan ibu-bapa! Tetapi Cikgu telah bergerak cergas dalam PARTI!  
Cikgu telah banyak menulis surat-surat layang!  
Cikgu telah bermusuhan sesama Cikgu!  
Cikgu telah mengetuai TUNJUK PERASAAN!  
Cikgu terpaksa ditukarkan ke sekolah lain!  
Cikgu telah lupa tugas sebagai PENDIDIK!  
Kerana Cikgu BERPOLITIK.

CIKGU memanglah seorang politikus yang sama licin dengan belut dan mempunyai visi politik yang jauh. Dapatkah politik Cikgu dkekalkan selepas MUSA?

Atau MUSA telah mengakhiri POLITIK CIKGU?

Atau UMNO mau mengekalkan POLITIK CIKGU?

Adakah kita mau mengekalkan POLITIK seorang Cikgu yang ditahan oleh pihak polis atas kesalahan mencuri di salah sebuah supermarket. Cikgu tersebut telah dibebaskan di bawah seksyen 137A. Semua pemimpin pernah melakukan kesalahan! Datuk Hamzah Abu Samah yang pernah menjadi Menteri Undang-undang dan Peguam Negara memberitahu bahawa kuasa Biro Siasatan Negara (B.S.N.)

akan ditambah untuk membolehkan ia bergerak lebih cergas dalam menghapuskan rasuah. Tetapi semasa Cikgu itu didapati bersalah, beliau telah memberi arahan kepada Sabarudin Osman, bekas penasihat kerajaan Negeri Melaka supaya menyelesaikan masalah tersebut dengan pihak yang berkenaan. Supaya nama Cikgu yang mencuri itu dirahsiakan dari pengetahuan umum. Kerana kononnya Cikgu itu telah menjadi EXCO Kerajaan Melaka.

Dalam akhbar tempatan hanya menyebut AHLI EXCO ditahan kerana tidak membayar pensel. Alangkah malu perbuatan seorang Cikgu yang melibatkan nama baik Cikgu SEMALAYSIA. Adakah UMNO akan mengekalkan Pemimpin seperti Cikgu? Ini adalah petanda-petanda yang memberikan gambaran kepada kita bagaimana TREND politik dan bakal-bakal politik kalau tidak dibetulkan MENTALnya. Saiah satu cara untuk memperbaiki politik Cikgu adalah dengan menghidupkan kembali "BUKU REVOLUSI MENTAL".

Di tengah-tengah masyarakat kita terlalu ramai bilangan Cikgu yang terlalu lama berkuasa. Latar belakang Cikgu sentiasa disaksikan oleh rakyat; perangai setengah-setengah Cikgu pada masa dahulu serta asal-usul dan kedatangannya dari golongan mana. Dari keluarga miskin atau sederhana, orang baik dan jujur, tetapi akhirnya menjadi orang yang sombong dan angkuh, kaya raya dan mewah. Anak isteri dan saudara mara juga turut berubah laku, seolah-olah mereka jua menjadi orang berkuasa seperti Cikgu yang dapat gelaran Yang Berhormat.

Cikgu tidak faham apa ertinya susah dan menderita. Cikgu sudah lupa jalan ke kampung halamannya, konon kawasan itu kawasan lawan, kawasan rakyat yang tidak memberi undi padanya.

CIKGU seharusnya hanya dibenarkan menjadi anggota Dewan Undangan Negeri untuk tempoh satu penggal sahaja, dengan ini akan ramai rakyat berpeluang menjadi Yang Berhormat, dan akan berkurangan rasa sombong dan takbur. Akan berkurangan kesalahan, penyelewengan dan lain-lainnya.

Anak isteri dan saudara mereka juga boleh dikawal dan diinsafkan kerana selepas satu penggal kedudukan mereka akan kembali seperti biasa. Tetapi kalau CIKGU terlalu lama berkuasa, sudah banyak pula yang mendapat makanan bersama, berkongsi membuat kesalahan, jika diambil tindakan atau jika terbongkar rahsia, terlalu ramai yang terli bat, sedangkan yang terlibat itu akhirnya adalah PENGHULU dan anak-anak buahnya sekampung.

Seseorang Cikgu boleh berkuasa. Maka permainan Cikgu adalah segala rupa mainan. Main politik, main komplotan, main duit, main-main apa saja yang boleh berlaku. Cikgu yang pintar bermain akhirnya memperbanyakkan bilangan "The Frust Enterprise". Dalam masyarakat, politik kita sudah ada ketentuan dan peruntukan. Cikgu yang menjadi ahli Dewan satu penggal pun, mendapat pencen. Ini satu peraturan yang baik dan patut dikekalkan, tetapi apakah tidak baik peraturan itu disertai dengan peruntukan yang dia mesti meninggalkan Kerusi Dewan selepas kesalahannya dibuktikan semasa menggunakan KUASA POLITIK itu.

Kuasa politik Cikgu belum setahap dengan Dunia Ketiga. Di dalam menganalisa definisi pembangunan, terdapat beberapa ciri pendapat serta istilah terhadap konsep pembangunan itu sendiri. Sehingga kini konsep pembangunan masih lagi dipertikaikan. Secara amnya, ukuran pembangunan itu adalah meliputi segala aspek pencapaian terhadap kemajuan. Ini termasuklah aspek sosial, ekonomi, politik serta sains dan teknologi. Dari tanggapan yang menyeluruh, dapatlah dirumuskan secara tidak langsung bahawa pembangunan itu lebih berlandaskan kepada sains dan teknologi.

Proses trend politik Cikgu yang berlaku di peringkat yang dapat di-kesan adalah perbuatan LOBI MELOBI di saat krisis nilai sesama sendiri dalam UMNO. Ini menjadi bertambah rumit dengan adanya sebilangan dari Cikgu yang menjadi ahli perwakilan. Selain dari itu ialah peristiwa-peristiwa yang berlaku di dalam dan luar Hotel. Kedua-dua faktor ini akan mempengaruhi masa depan UMNO di dalam menentu-

kan warna politik dan jua arah TUJUANnya. Perbuatan LOBI MELOBI ini tidak akan timbul lagi kalau dibendung dari sekarang.

Kemenangan gerila komunis di Vietnam, Laos dan kini pencerobohan tentera Vietnam ke atas Kampuchea bukan saja dengan pertempongan ideologi, malah sebab salah satu punca lain ialah dengan adanya LOBI MELOBI. Di hari lobi melobi itu manusia dihimpunkan bersama SYAITAN dan MALAIKAT yang bertopingkan manusia.

## AMANAH

KEMENANGAN seseorang pemimpin itu bukan bermakna keuntungan dirinya. Kemenangan merupakan satu tugas dan tanggungjawab yang mesti dipikul oleh mereka. UMNO telah berjaya menaikkan seorang pemimpin yang merasa menjadi rakyat biasa, kemudian menjadi pemimpin yang naik secara kontroversi. Sikap dan pendiriannya pada masa lalu dan masakini tentulah mendapat perhatian umum.

Dr. Mahathir mau memberikan layanan yang adil terhadap orang-orang Melayu. Dalam pada itu beliau menegaskan "...janganlah kita terlalu memanja-manjakan orang Melayu kerana tidak ada suatu yang merosakkan seseorang selain daripada memanjakannya," katanya dalam ucapan perhimpunan Agung Tahunan Pergerakan Pemuda/Wanita UMNO pada 25 Jun, 1981.

Setelah Dr. Mahathir beroleh mandat dalam pilihanraya dengan usaha dan kebijaksanaan mereka sendiri, mereka mau kuasa itu digunakan bagi memenuhi kehendak-kehendak dasar parti selaras dengan yang diuraikan kepada ramai. Kehendak dasar parti di bawah pimpinan Dr. Mahathir ialah: Jentera Kerajaan hendaklah digunakan dengan sepenuhnya oleh UMNO, parti yang berkuasa bagi kepentingan kekuatannya sendiri dan bagi faedah rakyat. Kerajaan berpasti telah sedar bila kehendak dasar parti yang berkuasa itu tidak berjalan dengan betul atau ter-

sentak-sentak perlaksanaannya, maka konsep UMNO itu boleh dikatakan tidak berkesan.

Sungguhpun ada rintangan-rintangan yang menghadkan kejayaan konsep Dr. Mahathir sebagai kerajaan berparti, bukan bererti parti tidak boleh menjalankan kehendak-kehendak dasarnya. Soalnya MAU atau TIDAK. Dengan mengatakan parti menguasai kerajaan atau "parti itu kerajaan, tidak mendatangkan apa-apa kesan. Apa yang penting ialah langkah-langkah konkrit bagi memberi erti kepada pucuk pimpinan Dr. MAHATHIR.

Kerajaan Dr. M tidak harus lebih dari parti. Seboleh-bolehnya kebanyakan dasar hendaklah berpunca dari parti, yang dirumuskan oleh sidang-sidang parti dan pakar-pakar yang terdapat dalam berbagai jawatannya. Jawatankuasa-jawatankuasa Parti tidak kurang kemampuannya kalau ahli-ahlinya dipilih dari orang-orang yang berkemahiran dan berpengalaman dalam bidang masing-masing.

Wakil-wakil parti yang bertugas dalam kabinet, EXCO negeri dan lain-lain sewajarnya memandang berat atas syur-syur yang dibuat oleh wakil-wakil PARTI. Orang yang bertugas dalam parti adalah lebih tahu akan kehendak rakyat, berbanding dengan pegawai-pegawai kerajaan yang mungkin mengambil 'approach pentadbiran' walau dalam perkara-perkara yang memerlukan perkiraan politik.

Namun demikian, adalah diakui dalam bidang-bidang khusus seperti pergerakan kewangan, penyediaan infrastruktur, menghadapi inflasi, perancangan industri dan pembangunan pertanian memerlukan nasihat pakar-pakar dalam Kerajaan. Peranan mereka sebagai policy-makers memang tidak dapat dinafikan.

Apa yang Dr. M mau ialah kekuasaan parti yang menguasai Kerajaan menjadi kuat kerana wakil-wakilnya dalam berbagai bidang kerajaan patuh kepada kehendak parti. Kerana konsep kerajaan berparti akan hancur dengan perbuatan-perbuatan wakil-wakil parti di dalam

kerajaan melakukan terlalu banyak exception-exception dengan membelakangkan kehendak-kehendak parti, melayani ahli-ahli parti lawan dengan lebih dan menolong sanak saudara mereka sendiri termasuk yang menentang parti.

Perbuatan ini mesti dihentikan. Juga, sebagai wakil-wakil parti, mereka mesti menampakkan kuasa parti ke atas kerajaan dan bukannya seolah-olah parti menumpang kuasa kepada pegawai-pegawai. Mereka perlu berikhtiar melaksanakan kehendak-kehendak parti dengan menggunakan alat-alat yang ada atas kesedaran bahawa mana-mana parti yang memerintah akan berbuat demikian. Mereka tidak harus merasa diri mereka sebagai pegawai-pegawai kerajaan, susah hendak ditemui oleh ahli-ahli parti dan menganggap ahli-ahli parti sebagai orang luar.

Memandang keperluan inilah maka Dr. Mahathir telah mengambil langkah menyeru kerajaan atau separuh kerajaan terdiri dari mereka yang berupaya melaksanakan dasar-dasar parti dan kehendak-kehendaknya tanpa merasa segan kepada pegawai-pegawai.

Tetapi pemilihan mereka ini tidak melibatkan kabinet atau exco negeri di mana ketua kerajaan di peringkat tersebut berhak membuat pilihannya sendiri untuk mendapat khidmat rakan-rakan yang bersefahaman.

Selain daripada ini, pemilihan wakil-wakil parti hendaklah dibuat oleh badan tertinggi parti setelah menghalusi butir-butir latar belakang dan perjuangan mereka itu. Kabinet Dr. M memindahkan para menteri kementerian baru merupakan langkah yang bijak oleh beliau. Pemilihan Dr. M telah dibuat mengikut kehendak tokoh-tokoh tertentu dan jua mendapat persetujuan partinya.

Wakil-wakil parti yang berada dalam kerajaan adalah mencerminkan imej parti kepada pegawai-pegawai kerajaan yang dikehendaki supaya menurut perintah parti itu. Mustahak sekali wakil-wakil ini merupakan orang-orang yang boleh dihormati oleh pegawai-pegawai. Kalau

mereka didapati kurang berpengetahuan, karakter yang kurang baik, tidak AMANAH dalam selok-belok pentadbiran, kalau keupayaan mereka lebih rendah daripada keupayaan pegawai, kalau ketegasan dan kewibawaan tiada, maka dengan sendirinya agak sukar bagi pegawai-pegawai untuk memenuhi kehendak parti.

Dengan sebab ini Dr. M telah menyeru wakil-wakil supaya mengetahui segala perjalanan pentadbiran Kerajaan dari sebesar-besar hingga sekecil-kecilnya. Supaya mereka tidak boleh dipermain-mainkan dan supaya tidak ada pegawai-pegawai yang boleh melindungi kelemahan mereka atau memberi nasihat yang kurang wajar. Dr. M tidak mengharapkan pegawai-pegawai bersikap suka bermuka-muka dengan pemimpinnya.

Perjuangan Dr. M, parti akan berhati-hati dalam menempatkan pegawai-pegawai agar memperolehi khidmat mereka yang simpati terhadap perjuangan parti. Mempunyai sifat nasionalis yang membina, mau menjayakan dasar-dasar parti dengan sepenuh tenaga untuk kebajikan masyarakat bangsanya. Mereka bukan golongan yang akan menjahanamkan dasar-dasar baik dengan perbuatan RASUAH.

Kerajaan kita mengharapkan dalam pimpinannya ini, pegawai-pegawai perlu menerima pengetahuan politik supaya faham akan dasar-dasar parti pemerintah dan memperjuangkannya bersama dengan pemimpin-pemimpin parti. Di semua peringkat Kerajaan dan badan-badan berkanun, pegawai-pegawai penting hendaklah diberi fahaman dan tunjuk ajar akan tanggungjawab mereka kepada parti pemerintah.

Kerajaan dengan undang-undang yang lebih tegas ini telahpun digunakan untuk memberi pertolongan kepada parti dan orangramai, bukan satu helah untuk mengeneipkan kehendak parti. Mereka tidak gusar hati dengan arahan parti, sehingga mau membakul sampahkan semua surat-surat dari parti.

Dr. M dalam pembangunan negara, menyeru ahli-ahli parti supaya menjadi saluran penting bagi menghubungkan antara Kerajaan dengan

rakyat, dengan mengawasi pelaksanaan dasar yang dirumuskan oleh parti, samada berjalan dengan lancar di tempat mereka atau sebaliknya. Sekiranya terdapat sesuatu kepincangan dalam pentadbiran kerajaan di peringkat mereka, ahli-ahli parti hendaklah melaporkan keadaan itu kepada peringkat parti yang lebih tinggi. Misalnya, kepincangan di peringkat daerah, hendaklah dilapor kepada wakil parti yang mengepalai kerajaan di peringkat negeri untuk tindakan.

Kerajaan telah mula mengambil "JALAN LEMBUT" untuk membawa 'Melayu bersikap timbangrasa', masanya telah tiba orang Melayu berkongsi dengan masyarakat Cina demi mencapai masyarakat HARMONI. Bumi ini 'BUMI MALAYSIA'. Dalam dunia persaingan, memberi peluang belum menjamin kejayaan. Bumiputera mesti sedia untuk bersaing. Kerana bukan saja BUMIPUTERA yang berjasa membangunkan Kuala Lumpur malah dengan masyarakat berharmonilah yang telah menjayakan penubuhannya. Mereka terdiri dari Yap Ah Loy, Raja Laut, K. Thamboosamy dan Loke Yew.

Soal yang penting adalah soal PAKATAN. Soal mengenai asal usul manusia! Kalau tahu BERPAKAT, harimau yang buas dapat diikat, tapai ayam yang jinak bertempieran lari kerana tidak tahu apa ertinya hidup berpakat.

Kerana pakatan yang bijak oleh pemimpin-pemimpin kita, telah menjadikan Malaysia ini sebuah negara yang kaya, aman dan makmur. Dengan pakatanlah Negara terlepas dari belenggu penjajahan, pakatanlah yang membawa keharmonian. Keperluan asas manusia ialah pakaian. Dengan pakatan itulah pakaian yang merupakan salah satu daripada unsur-unsur adat resam masyarakat.

Kegagalan PAKATAN membawa kehancuran, membawa fitnah, membawa keburukan dan sebagainya. ISU satu-satu politik itu bergolak disebabkan tidak mencapai ke tahap muafakat. Akibatnya akan timbul pihak kanan dan pihak kiri dengan tuduhan masing-masing. Akan menimbulkan ideologi yang berkuman, melahirkan golongan

**MONOLOG** Golongan inilah yang melahirkan fikiran yang bersifat marah, dengki-khianat, cemburu kerana inginkan sesuatu dari pihak yang memimpin.

Tapi keinginannya itu gagal, dengan itu golongan **MONOLOG** ini telah menimbulkan surat-surat layang. Apa tujuan **MONOLOG** yang sebenarnya? Hanya mangsa-mangsa surat layang yang tahu apa tujuan monolog itu. Mangsanya seperti Ketua Menteri dan ahli-ahli exco negeri Melaka, Perak, Kedah, Perlis, Sabah dan lain-lain di Semenanjung yang menjadi sasaran hebat dari **MONOLOG**. Mengikut kajian beberapa orang Doktor Pakar Politik di Perancis (sekembali pengarang dan mengadakan soal jawab berkenaan Kesetabilan ASEAN di Paris), ISU **MONOLOG** ini bukan saja telah dibincangkan di Malaysia, malah golongan ini juga banyak terdapat di benua **AFRIKA**.

Monolog ini seakan-akan sama dengan dialog, cuma bezanya, dialog memerlukan lebih dari seorang peserta! Tetapi monolog hanya seorang yang bercakap sendirian, mendengar dan melayan kata hatinya, dalam masa yang sama beliau mendengar kata fikirannya. Oleh kerana sebilangan besar monolog pandai menulis, maka lahirlah surat layang.

Menurut kajian Doktor-doktor pakar, golongan monolog ini mengalami masalah di segi jiwa, malah darahnya bercampur sedikit **LEMAK** (darah takut). Kerana itu surat yang dilayangkan itu tidak berani diturun tanda-tangannya. Antaranya sudah pasti mengandungi sedikit sebanyak surat layang yang tidak bertanggungjawab melibatkan fitnah dan dakyah.

Ada rakyat yang bercita-cita untuk bersatu!

Ada daerah yang tertentu!

Ada pemerintahan yang berdaulat!

Mau meluaskan kawasan atau daerah yang dikuasai (**TANAH**)!

Mau bahan-bahan mentah seperti getah, bijih dan lain-lain!

Mau harga buruh dan murah harganya!

Mau pasaran bagi barang dagangan!

Sejalan dengan perkembangan kecerdasan serta pengetahuan manusia dan tumbuhnya masyarakat dalam pembentukan Negara, maka berkembang pula teori dan pendapat tentang bentuk, sifat dan susunan yang seharusnya bagi sesebuah Negara. Kecergasan umat manusia itu tumbuh dengan beransur-ansur. Demikian pula teori-teori tentang kenegaraan lahir dengan beransur-ansur dari masa ke semasa.

Di zaman Dr Mahathir mengertikan 'DEMOKKRASI', teori-teori kenegaraan ini telah merupakan satu pengetahuan yang tersendiri, di samping pengetahuan-pengetahuan yang lain. Ilmu-ilmu yang memperkatakan soal yang bersangkutan dengan kenegaraan, dinamai **ILMU POLITIK**.

Dalam ilmu politik kita dapat beberapa perkataan, corak dan sifat-sifat satu persatu negara atau pemerintah. Di antaranya Monarchi, Oligarci, Demokrasi dan lain-lain. Pada hakikatnya pemakaian perkataan **DEMOKKRASI** sebagai satu istilah untuk menggambarkan sesuatu Negara dan pemerintahan yang mempunyai sifat-sifat ketentuan ketentuan tersendiri. Bukan dalam kurun ini sahaja, tetapi sejak zaman dahulu kala, mulai dari masa bersinar-sinar cahaya matahari kemajuaan **JUNANIKUNO** (Greek), beberapa ratus tahun sebelum tahun **SATU**

Dengan ayat yang ringkas ini, mungkin cukup kita gambarkan dalam pemerintahan kita negara **DEMOKKRASI**. Kekuasaan yang paling tinggi atau tampuk pemerintahan tergendang dalam tangan rakyat. Kerana itu tepat benar kalau kita perkatakan Demokrasi itu kita Malaysiakan dengan pemerintahan atau **NEGARA KEDAULATAN RAKYAT**.

Pemerintahan **CARA DEMOKKRASI** memberi kesempatan yang se luas-luasnya kepada rakyat untuk memikirkan dan menyusun pekerjaan-pekerjaan kerajaan menurut kemahuannya. Berdirinya dan terbentuknya satu Negara adalah lantaran kesudian rakyat untuk menyerahkan sebahagian dari hak-hak mereka kepada Negara ini.

Berdasarkan inilah maka DEMOKRASI memberikan kelapangan kepada rakyat untuk menentukan garis-garis atau batas-batas yang harus diikuti oleh negara atau Kerajaan dalam mencampuri soal-soal hidup rakyat. Jadi negara Kerajaan yang berdemokrasi bertanggungjawab kepada rakyat dan demikianlah pula rakyat jua bertanggungjawab kepada negara.

Dalam pada itu DEMOKRASI JUGA mempunyai KECACATAN. Dr. Mahathir mengatakan "demokrasi berpandu kepada pendapat persetujuan majoriti. Pressure group adalah kumpulan minoriti yang mana gerakannya tidak efektif di luar lobi dewan melainkan mereka menggunakan senjata yang tidak demokratik." Ada benarnya dakwaannya itu bahawa pressure group memang ada peranannya, tetapi seperti lain-lain, tiap senjata ada bahaya dalam penggunaannya.

Dunia demokrasi, nilai moral itu adalah relatif di mana ianya akan mengalami perubahan dengan berubahnya 'ruang dan waktu' asalkan suara majoritinya menghendaki demikian. Kita percaya, Dr. Mahathir boleh diAMANAHKAN. Membebaskan 21 orang tahanan Akta Keselamatan Dalam Negeri merupakan langkah awal yang sangat baik, ini memberikan penilaian yang boleh dicontohi oleh negara-negara lain. Menurut Islam, seseorang itu tidak boleh ditahan walaupun sehari melainkan dibawa ke pengadilan.

Bayangkanlah bagaimana pembelaan Dr. Mahathir terhadap mereka yang pernah ditahan bertahun-tahun tanpa sebarang PEMBELAAN.

## DEMAM PILIHANRAYA!

PERHIMPUNAN Agong UMNO JUN, 1981 telahpun berlalu dan isu Musa dan Tengku Razaleigh telah tidak disebut lagi. Kerana tiada satu yang dalam dunia ini akan kekal sentiasa. Perkara pertama yang difikirkan oleh kebanyakan orang-orang politik ialah bila menjenguk ke tahun 1982 - iaitu pilihanraya Umum yang baru.

Pilihanraya Umum diramalkan tahun 1982 ini. Memandangkan pendaftaran pengundi-pengundi telah selesai. Orang yang pertama menimbulkan tentang pilihanraya yang segera tentulah Menteri-menteri Muda dalam kabinet Dr. Mahathir. Mereka menyebut betapa pilihanraya itu mungkin diadakan lebih awal. Ini adalah mengikut pada AMALnya, bila keputusan yang dicapai dalam perhimpunan Agong UMNO tercapai, Timbalan Perdana Menteri lah orang yang pertama menimbulkan tentang pilihanraya yang segera "MENGIKUT TRADISI".

Tahun 1981 hanya tinggal beberapa hari saja lagi. Penggal yang ada sekarang sepatutnya berakhir 1983. Tetapi rakyat ramai yang yakin ia nya diadakan dalam tahun 1982 juga. Pemerhati-pemerhati politik tanahair, dalam dan luar negeri telah berani meramalkan bahawa ia akan diadakan dalam bulan April, waktu ini adalah masa yang sesuai bagi Negara ini.

Bulan April waktu cuti sekolah.

Bulan April bukan bulan puasa

Bulan April adalah sesuai untuk diadakan pilihanraya kerana bukan musim hujan di mana banjir tidak akan timbul.

Ramalan ini dibuat berdasarkan perkembangan dan persiapan oleh pemimpin-pemimpin UMNO sekarang dan jua parti-parti lawan. Kalau pilihanraya diadakan samada cepat ataupun lambat, maka soal calon ini akan mudah ditentukan oleh pucuk pimpinan parti dengan berunding bersama Ketua Perhubungan UMNO Negeri. Ramalan cara mata dapat dikesan melalui proses, tidak lama lagi daftar baru itu akan dipamerkan untuk disemak. Ia jua akan disiapkan segera. Ini membuktikan pilihanraya ini akan boleh diadakan pada bila-bila masa dalam tahun 1982.

Melihat kepada banyaknya tanda-tanda pilihanraya, maka tiap-tiap parti membuat persediaan. Tetapi mungkinkah pilihanraya yang dimaksudkan diadakan dalam bulan APRIL? Datuk Sri Dr. Mahathir yang akan menentukan tarikh itu. Beliau tidak mau membuat sesuatu atas dasar ditekan dan didahului oleh suara lain. Biar suara itu datang

dari langit, namun bukan suaranya selagi itu dapat beliau bertahan untuk menahankan "DEMAM PILIHANRAYA".

UMNO telah menerajang PAS keluar dari Barisan Nasional. Bererti UMNO jua akan bertanding sekurang-kurangnya 75 kawasan Dewan Rakyat. Yang lainnya akan diberikan kepada MIC, MCA, Gerakan dan sepanjang yang berhubung dengan Semenanjung. MIC mungkin tidak akan membawa masalah yang rumit! Tetapi hubungan antara Gerakan dan MCA, kerana MCA tidak puashati dengan pembahagian kerusi di Pulau Pinang yang telah dibolot oleh GERAKAN.

Gerakan tentunya berkehendakkan kerusi tambahan di lain-lain Negeri. Kalau di Melaka Gerakan tentu mahu satu kerusi di MACAP. Ia boleh bertanding di Kuala Lumpur malah di mana-mana saja. Soalnya sekarang kerusi yang dimilikinya itu tidak untuk diberikan kepada kerusi lain. Bagaimana jalan yang terbuka sekiranya kerusi yang dimiliki oleh DAP?

Krisis UMNO bersama PAS, krisis antara Gerakan bersama MCA. Perkara ini merupakan satu isu mainan. UMNO atas nama Barisan Nasional yang dikenal "RAJA BERPAKAT" dengan mudah mengeluarkan PAS dari Barisan. UMNO parti yang sudah matang, UMNO mengambil langkah "TUNGGU DAN LIHAT". Andainya ini merupakan satu cabaran perpaduan Barisan maka adalah perkara yang akan diperhatikan kelak.

Bagaimana agaknya pendirian Dr. Mahathir untuk mengajak balik PAS bersama UMNO? Apa kata ASRI? Atau Datuk Asri mau menawan Kelantan yang ditawan? Langkah awal Datuk ASRI mesti memikirkan bagaimana menghilangkan parut yang luka kepada Datuk Mohamad Nasir. Itulah puncunya. Itulah sebabnya. Kerana PAS belum punya PENGKALAN!

UMNO sedar, BEKERJA HARUS BERSAMA. MENEKAN DAN MEMAKSA ORANG BERMAKNA MENCARI KEHANCURAN DAN

**KEBENCIAN!** Lazimnya orang berteduh di bawah satu bumbung untuk mendapatkan perlindungan. Ini dengan sendirinya parti-parti kecil hendaklah meletakkan nasibnya di bawah payung **BARISAN**.

Dasar perjuangan mencari kawan bukan mencari musuh! Siapa dapat menafikan mereka yang berundur itu sedikit sebanyak jua punya pengaruh? Samada mereka **UMNO, PAS, MIC, MCA** dan lain-lain parti. Apakah **UMNO** masih mau **POLITIK JATUH MENJATUH** ini berlaku sesama sendiri? Apakah akibatnya **PAS** yang telah menjatuhkan sesama mereka? Pada mulanya **Datuk ASRI** sendiri tidak terfikir bahawa dengan pucuk pimpinan **PAS** di pusat berusaha menjatuhkan **Datuk Muhammad Nasir** dari jawatannya sebagai Menteri Besar, mengakibatkan **PAS** terpaksa menghadapi cabaran yang begitu besar.

**UMNO** di **Kuala Sungai Baru** tidak berupa pucuk **UMNO** yang dipimpin, kerana **UMNO** elit telah banyak lahirkan fahaman yang berbau merah. Ini dapat dikesan dengan perjuangan awalnya seperti **Cikgu Mohamad bin Jais**. Beliau telah diberikan kepercayaan untuk meneruskan perjuangan **API (Angkatan Pemuda Insaf)** dan **K.M.M. (Kesatuan Melayu Malaya)** yang pernah dipimpin **Cikgu Allahyarham Othman bin Shawal**.

**BEBAS** pula telah babas!

Babas kerana **BEBAS** tidak ada tempat untuk ahli-ahlinya mengadakan masalah mereka. Mengapa **BEBAS** tidak mampu mengadakan **PENGKALAN**? Biarpun **BEBAS** namun ianya mempunyai garis-garis dan panduan yang boleh berasas. **BEBAS** tentu sukar untuk memenangi pilihanraya tahun 1982 ini, kerana isu-isunya tidak konkrit. Kerana lambangnya **Kelapa Bali (Sawit)** isunya pun kelapa sawit. Kesimpulannya **POLITIK KELAPA BALI** telah jadi minyak dan minyak itu mungkin telah membakar.

Tetapi yang bergerak nampaknya **GERAKAN** yang telah berpecah dengan **MCA**. Gerakan juga telah punya niat untuk mendapatkan kerusi di **Melaka 'KAWASAN MACAP'**.

Di Macap pula telah ramai menyuarakan muka baru di kawasan itu, beliau En. Bahari Derani bekas Setiausaha UMNO bahagian Setapak dan bekas Setiausaha Pemuda UMNO bahagian Bukit Bintang. Beliau sekarang selaku naib Ketua UMNO Cawangan Tanjung rimau luar (Macap) Beliau juga AJK Biro Pelajaran bahagian A. Gajah.

Ramai yang telah berani menduga ini memberi erti yang HEBAT yang merupakan cabaran kepada MCA dan GERAKAN. En. Bahari Derani mempunyai pengalaman dalam dan di luar Negeri dengan meluas. Politikinya terlalu HALUS ("teliti"). Ketika tinjauan saya di pejabatnya untuk ditemuramah En. Bahari Derani belum lagi menunjukkan minatnya dalam politik, sebaliknya beliau enggan mengulas pergolakan Politik di Melaka, kerana beliau tidak mau mencamporkan langsung Politik dalam tugas hariannya di Pejabat Risda, beliau lebih mementingkan bagaimana hendak menaikan tarap hidup pekebun-pekebun kecil di Malaysia demi membasmi kemiskinan selaras dengan kehendak Dr. Mahathir dan Musa. Jawatannya penting di Risda, En. Bahari Derani terus menghambakan diri untuk faedah Bangsa dan Negara, ini semua dapat dibuktikan melalui tekanan nada suara dan susunan ayat beliau sewaktu ditemuramah."

Di Sabah pula isu HARRIS ialah isu BERJAYA. Tentu Berjaya tidak mau USNO (United Sabah National Organisation) pimpinan Tun Datuk Mustaffa menang dalam sebarang kawasan walaupun atas nama Barisan. Mungkin kawasan KIMANIS akan diletakkan calon BEBAS. USNO juga mungkin akan bertindak demikian.



Apa khabar yang belum jadi Yang Berhormat? Saya jadi ana pun tidak mengapa, asalkan Dr. Mahathir jadi 'no one man ok' (Gambar: Bahari berjabat tangan dengan Dr. Mahathir).

ISU BERJAYA tentu menekan USNO sebagai sebuah parti korupsi, hipotism, favouritism dan sebagainya. Berjaya jua boleh menuduh USNO sebuah parti mengikut nafsu-nafsinya. Ini dapat dibuktikan dengan rancangan menambak laut di Kudat seluas 430 ekar dengan menelan belanja 60 juta ringgit. 60 juta ringgit terbuang ke dalam laut.

Yayasan Sabah mendapat 3,300 batu persegi kawasan balak. Yayasan itu hanya baru mengusahakan tak sampai satu perlima daripada kawasannya. Dalam saat ertikata UMNO menghabiskan tenaga rakyat yang mana USNO mempunyai simpanan sejuta ringgit sahaja. Berjaya memerintah telah menambah wang itu. Sekarang kerajaan BERJAYA mempunyai wang sebanyak 100 juta ringgit.

SARAWAK adalah tempat yang boleh diramalkan sekarang. Sarawak tidak mempunyai parti pembangkang. Keadaan bertambah baik setelah Datuk Patinggi Amar Haji Taib Mahmud belum lagi dicabar oleh sesiapa secara terang. Perkara ini berlaku setelah Datuk Patinggi Abdul Rahman Yaakup menjadi GABNOR. Yang menjadi perhatian, apakah tenaga kumpulan orang-orang Melayu sendiri cuba menggugat pimpinan beliau menjelang pilihanraya nanti?

Berbalik kepada Semenanjung. Pergolakan yang menjadi perhatian ialah "PARTI PEMBANGKANG". DAP menolak perunding dengan PEKEMAS. DAP mempelawa untuk bekerjasama dengan PAS. MCA berebut dengan GERAKAN. Yang paling menarik sekiranya PAS mau bekerjasama dengan DAP. Ini sudah tentu akan menjadi perkara yang sungguh menarik bagi politik di negara ini.

Mengapa orang Melayu takutkan DAP?

Orang Melayu tahu MIC tidak bahaya kerana MIC parti yang mengikut ANGIN. Bila PAS bersetuju berkawan dengan DAP, ini akan membuatkan orang Melayu lari dari PAS.

Apa peranan Imam dalam pilihanraya ini?

Bagaimana dengan peribahagian kerusi antara PAS dan BERJASA. Tentu tokoh-tokoh Imam diberi tempat dalam PAS, sekiranya Imam Imam mengambil langkah terakhir menyokong PAS. Berjasa tentu berjaya meletakkan dirinya diarahkan oleh UMNO sepertimana parti-parti komponen yang lain dalam Barisan. Kita akan melihat satu lagi perlawanan yang menarik dalam berakhirnya DEMAM PILIHANRAYA.

## MASYARAKAT

KITA tidaklah perlu mempersalahkan keperibadian orang-orang Melayu atau membuat saranan-saranan supaya mereka merevolusikan atau mengubah keperibadian MELAYU. Orang Melayu sudah mempunyai asas yang utuh dan murni. Pengubahan peribadi yang dimiliki oleh orang-orang Melayu sekarang bererti ada golongan yang mau menghancurkan MELAYU SENDIRI.

Mahu tidak mahu, semua pihak terpaksa menerima orang Melayu adalah MISKIN. Ini bukan bermakna orang Melayu malas, peribadi Melayu ialah BERSABAR. Melayu mempunyai peribadi ISLAM kerana Islam agama mereka. Cara hidup orang Melayu samada dari segi kepercayaan atau perlakuan adalah digariskan dengan ajaran dan hukum Al Quran dan Hadis.

Dalam kampung (penduduk sahaja) tiga perempat orang Melayu MISKIN. Dalam kampung itu juga ada orang Melayu JUTAWAN. Pernah dalam zaman politik Ghaffar Baba, rakyat miskin ini dijanjikan tanah yang menjadi RAKSAKSA KELAPA SAWIT SEKARANG. Ini tidak mendatangkan keuntungan kepada rakyat miskin. Malah rakyat bertambah sukar untuk mendapatkan jawapan akhir dengan TANAH YANG MEREKA NANTIKAN! Ada jua suara-suara yang berkumandang di udara mengatakan Datuk Sri Dr. Mahathir juga mempunyai KONGSI di tanah itu? Sejauh mana kebenarannya, hanya Dr. Mahathir sahaja yang boleh menjawabnya. Rasanya tidak mungkin berlaku demikian, mungkin ini hanya tohmah mereka untuk mengambil kesempatan dengan isu kedatangan Dr. Mahathir melawat ke kilang tersebut.

Memang diakui dalam Masyarakat Melayu terdapat perlakuan dan kepercayaan yang NON-ISLAM iaitu yang berunsur kepercayaan dan perlakuan tradisi sebelum Islam. Ini bukan bererti mereka tidak berkeperibadian Islam atau kurang teguh kepercayaan terhadap Islamnya. Budaya adalah dinamis, budaya adalah cantuman budi dan daya. Ianya berubah dan berkembang. Begitu juga Islam dan Melayu. Melayu sanggup bersabar menghidu bau najis BABI, Melayu bersikap timbang rasa, Melayu berniaga sebagai satu ibadat, Melayu berniaga di sebelah MALAM seperti di pasar malam Jumaat. Bolehkah seekor kuda menjadi gemuk hanya makan di waktu MALAM. Melayu mempunyai cita-cita untuk mencapai kejayaan kerohanian di samping mencapai kejayaan kebendaan melalui cara yang halal dari segi ISLAM.

Pemimpin mestilah mempunyai dasar tidak menganak utanku MELAYU. Dengan disangka Sungai yang mempunyai TAHI BABI tidak mempunyai BUAYA. Dasar orang Melayu, mereka tidak akan bersabar bila TAHI BABI menyerang masjidnya. Oleh kerana BAU tahi babi itu tidak haram, maka orang Melayu tidak membuat apa-apa tindakan lagi.

Akibat dari kenyataan dalam perkembangan dunia sekarang ialah untuk menguasai kekayaan harta benda, telah membuat orang Melayu tersepit dalam kecurigaan dan serba-salah. Fatwa-fatwa yang berhubung dengan kegiatan ekonomi dan juga sosial sering tidak ada keseragaman. Ini mengakibatkan orang Melayu mengalami DILEMA, mereka bimbang nanti pencapaian kejayaan mata benda akan menjejaskan kejayaan kerohanian MEREKA.

Maka itulah lahminya BUKU Dr. Mahathir yang pernah diharamkan pada zaman Tunku Abdul Rahman dulu. Apakah perjuangan Dr. Mahathir itu tidak baik? Mana tanda-tanda yang dapat dilihat bahawa Dr. Mahathir mau membiarkan zaman pahit orang Melayu berulang kembali? Melayu hidup dalam keadaan miskin semenjak tradisi lagi! Banyak pula pemimpin kita yang bertopengkan Melayu atau Islam. Falsafah pu-

itik mereka ialah politik punca ekonomi yang harus disalurkan untuk kepentingan atau kekuatan politik.

Oleh itu kemunculan kekuatan ekonomi oleh pihak bukan golongan Melayu bertopengkan Islam, maka ancaman politik mereka telah menekan golongan ini. Kerana orang Melayu ini tidak akan memberikan wang bawah meja (RASUAH). Ini dapat dibuktikan dengan beberapa projek orang Melayu yang telah menjadi kenyataan. Bila orang Melayu berprojek tanpa main bawah meja, dengan sendirinya fail-fail yang berkenaan menjadi LAPOK.

Hasilnya kenidupan orang Melayu kais pagi makan pagi, kais petang makan petang. Kerja sendiri dikelek, kerja Raja dijunjung.

Polisi di tahun-tahun permulaan yang mana Melayu dibiarkan dengan bertani secara kecil-kecilan, tetapi sektor ekonomi dibiarkan dimonopoli oleh orang bukan Melayu. Hasilnya ekonomi orang Melayu terus terjejas.

Akibat dari peristiwa DASAR EKONOMI BARU telah datang idea dari UMNO (Melayu Bersatu) yang menyedari bahawa Melayu tidak mempunyai apa-apa harta. Dasar Ekonomi Baru dijadikan modal asas dalam pembangunan ekonomi yang sudah begitu kompleks.

Mengapa masyarakat Melayu masih tidak mau mempercayai UMNO? UMNO telah memperkenalkan identiti Melayu ke tahap antarabangsa menerusi berbagai cara dan saluran yang UMNO sendiri terpaksa menghadapi rintangan-rintangan demi untuk mempertahankan peribadi Melayu sebagai peribadi ISLAM.

Apakah dalam negara ini MELAYU inginkan REVOLUSI? Tentu tidak! Melayu sedar REVOLUSI akan mengakibatkan banyak perkara: pertama nyawa, kerana manusia sentiasa di medan perang, suami akan berpisah dengan isteri, mayat akan bergelimpangan dan kemajuan yang ada akan menjadi debu dan arang.

Adat istiadat, agama, moral dan undang-undang menjadikan orang-orang Melayu SENTIMEN. Politik masyarakat Melayu bermula dari 'HUTAN', memakan masa yang agak panjang untuk menjadikan politik 'KAMPUNG'. Politik kampung mestilah diperkenalkan dengan 'KOPI O'. Dari kedai kopi dan politik KOPI 'O' menjadi politik 'COFFEE HOUSE'. Politik ini telah mencapai ke tahap Antarabangsa dan politik ini akan membawa ahli-ahli politik melakukan LOBI MELOBI di lobi-lobi hotel terkemuka.

Melayu hendaklah berhati-hati bila tahap politik mereka telah sampai ke taraf LOBI MELOBI ini, kerana ianya merupakan perkara yang amat bahaya. Mujurlah yang dilobi sesama Melayu, sesama Islam, sesama UMNO. Andainya perkara seperti itu berlaku bersama parti lawan, mungkin akan membawa akibat yang buruk. UMNO sendiri hendaklah sedar perbuatan itu merupakan ideologi yang tidak wajar diamalkan.

UMNO tidak mau membiarkan masyarakat Melayu menjadi PINCANG, kerana bimbang nanti Melayu menjejaskan penyertaan mereka untuk menyamai dunia PEMBANGUNAN yang sangat penting. Dengan mengikuti perkembangan PEMBANGUNAN bermakna Melayu tidak akan tersepit.

Selagi Melayu sedar perjuangan UMNO, selagi itulah Melayu masih tetap bersatu. Peranan UMNO pula selagi politiknya tidak mencabar Russia yang merupakan "PENCABAR KEAMANAN DUNIA", selagi itulah UMNO akan menjadi PARTI pemerintah negara ini.

Berbalik kita kepada masyarakat Melayu, kepada adat istiadat Melayu Klasik yang masih sanggup 'Biar Mati Anak, Jangan Mati Adat', adat istiadat ini telah mempengaruhi cara hidupnya. Dalam selok belok adat ini, adat-adat Temenggung dan pematihlah yang merupakan adat yang paling popular.

Mungkin Melayu merupakan Bangsa yang banyak "RELAKS". Salah satu dari aktiviti hariannya untuk meluangkan masa ialah melakukan

adat yang menjadi amalan. Masa untuk berkumpul beramai-ramai, bersuka-ria sesama mereka, dapat mengumpulkan sanak saudara yang jauh dan dekat, ini bererti adat-istiadat yang banyak tali-menalnya. Satu demi satu dan bila selok-belok adat itu sudah sukar fahami maksud dan tujuannya, dengan sendiri adat itu tidak diamalkan lagi seperti adat bermandi safar. Pada suatu ketika dulu adat ini sangat popular dengan 'KERETA LEMBU'. Bila lembu-lembu telah banyak mengidap sakit kutu, banyak orang telah menggunakan kereta laju. Mana perginya ADAT MANDI SAFAR?

Trend masyarakat Melayu sekarang ialah bila mengadakan istiadat perkahwinan. Terdapat banyak perbezaan. Dengan mengadakan perkahwinan secara besar-besaran ini merupakan lambahang kemegahan. Mereka akan mengutamakan orang yang berpangkat, orang kaya biarpun mereka jauh, tetapi orang miskin ditinggalkan. Kerana orang-orang miskin hanya setakat menumpang makan dalam adat istiadat mereka, tetapi orang kaya dan berpangkat akan meninggalkan wang yang lumayan berserta hadiah yang mengagumkan.

Kononnya mereka malu dengan hanya mengangkat beberapa dulang sajian untuk mengakhiri DOA SELAMAT PERKAHWINAN yang mana masyarakat akan menghina mereka.

Apakah dengan mengadakan PERKAHWINAN yang menggunakan tenaga yang banyak, wang yang membazir, bersedekah dengan tujuan mendapatkan keuntungan sesama manusia merupakan amalan yang baik? Bukankah itu dalam ISLAM merupakan 'RIAK' atau sifat yang menunjuk-nunjuk?

Adakah dengan menyebelih beberapa ekor lembu menunjukkan Melayu orang kaya? Tentu di sebalik perkahwinan yang besar-besaran itu masyarakat Melayu melibatkan diri dengan hutang piutang. Kadangkala pernah berlaku di mana pasangan pengantin yang telah mendapat cahayamata tetapi hutang perkahwinannya masih belum langasai. Tidakkah ini satu beban yang berterusan? Yang lebih tidak baiknya pernah

berlaku perkahwinan itu berakhir dengan perpisahan, tetapi hutang-hutang masih dipikui oleh kedua belah pihak orangtua mereka.

Akibat dari kenyataan dalam perkembangan dunia, kebendaan adalah merupakan matlamat yang dicitakan oleh apa jua bangsa penduduk dunia. Namun orang bukan Melayu tidak dapat meletakkan kebendaan di atas segala-galanya sehingga begitu jelas sifat kebendaan mereka. Bagi orang Yahudi atau orang Cina, kebendaan adalah tujuan hidup dan cara untuk mendapatkannya tidak menjadi perhitungan kerana sudah menjadi sifir hidup mereka.

Dari segi Melayu berjuang pula, mereka adalah berjuang untuk mendapatkan apa yang tidak ada pada dirinya. Hanya baru sekarang sego-longan kecil sahaja yang berjuang untuk mencapai keagungan, inipun kerana kesedaran dari pucuk pimpinan UMNO kita. Tetapi masih banyak wakil-wakil rakyat, exco-exco kerajaan yang tidak bertanggung jawab. Hanya 'berjuang' untuk mendapatkan apa yang tidak ada pada dirinya demi untuk mendapat harta semata-mata.

Kerana itu Dr. Mahathir telah menubuhkan **KERAJAAN YANG CEKAP, BERSIH, BERDISIPLIN** untuk menentang perjuangan wakil-wakil rakyat, exco-exco kerajaan yang dianggap seperti **MUSUH** dalam selimut Barisan Nasional.



"You diminta pergi ke Bangsa-bangsa Bersatu sebagai wakil tetap Malaysia yang baru, bagi menggantikan En. Khir Johari. I mau jawapan sebelum I berangkat ke New Zealand pada 10 Oktober 1975", kata Tun Razak. Datok Harun pula, biarpun pada ketika itu Fail B.S.N. yang mengandungi 1001 persoalan tentang Datok Harun diletakkan di tempat paling atas. Itu merupakan cabaran politik. Akhirnya rakyat mengetahui penahanan Datok Harun itu adalah kes politik dalam politik. Di saat yang akhir wartawan khas (Haroun Ismail) menemui Datok Harun dalam tahanan untuk meninjau langkah-langkah konkrit politik beliau.



Peranan Tengku Ahmad Rithaudin membawa wang dari luar negeri untuk dibawa masuk ke Malaysia selaku Menteri Perdagangan dan Perindustrian demi pembangunan negara dalam menentukan nasib politik Dr. Mahathir/Musa.




King Ghaz orang yang paling layak menentukan politik Malaysia ke tahap antarabangsa. Dr. Mahathir telah membuat penukaran yang bijak dan terator. Beliau berpengalaman politik antarabangsa.



Datok Amar Taib Mahmud masih dihormati dari semua golongan di Sarawak, dengan ini politiknya tidak terancam (tenang). Belum ada orang berani menentang secara terang (kerana menghormatinya).




Datok Mohamad Rahmat orang-orang yang setia dengan Datok Musa, politiknya tidak membunuh kawan, sanggup hidup semati bersama politik Datok Sri Dr. Mahathir/Musa.



“Rahim orang yang diamanahkan oleh raayat Melaka khususnya Malaysia Amnya. Beliau disifatkan orang harapan pelapis negara ini.”



Peranan Sanusi Jonet membangunkan luar bandar. Beliau tenaga penting untuk politik Dr. Mahathir/Musa.



"I ta' pernah menkafirkan manusia," kata Datok Abdullah Baduwi kepada pengarang. "You tau, Tuhan melarang manusia menkafirkan sesama manusia, kerja Nabi Mohamad mengislamkan umatnya, mengapa pula umatnya menkafirkan sesama mereka? I bersyukur kepada Tuhan atas pemberiannya kepada I, jelas Datok Abdullah Ahmad Baduwi kepada pengarang sewaktu saya menemuinya sewaktu mempunyai urusan peribadi."



Datok Senu Abd. Rahman, Bapa Revolusi Mental seorang tokoh veteran UMNO.



Cikgu Samat Mamat (Parti Bebas) Apakah beliau telah membabas?

"Datok saya mau tanah "(issu perang linggi" "S.H. Allatas". Kalau mau tanah, you jumpa Musa sajalah, Datok S. Dr. Mahathir jadi orang tengah, o.k.! Saya sekarang bukan orang politik lagi." kata Datok Setie Ghani Ali "Sekarang saya hanya mau jaga estet saya."



Rakyat Perlis maukan perubahan mereka mengharapkan Radzi Anak Pak Sheik adalah orang harapannya untuk membawa Perlis ke arah politik intelektual, bersesuaian dengan kehendak Dr. Mahathir. "Saya akan masuk bertanding mengikut kehendak rakyat. Saya jua akan menempoh pahit dan manis di bawah pucuk pimpinan Dr. Mahathir."

## POLITIK PERLIS

Kerana kesihatannya tidak mengizinkan beliau menjalankan tugas-tugas parti dan negara yang telah diamanatkan kepadanya. Datuk Jaafar Hassan, bekas Menteri Besar Perlis selama sepuluh tahun telah meletakkan jawatannya sebagai Menteri Besar Perlis, Ketua Badan Perhubungan UMNO Negeri dan Ketua UMNO Bahagian Kangar pada 1.11.1981.

Tempat beliau diambil alih oleh Y.A.B. Tuan Haji Ali Ahmad. Y.A.B. Tuan Haji Ali Ahmad menegaskan perletakan jawatan bekas Menteri Besar adalah kerana mengikut jejak Tun Hussein dan bukan adanya KOMPLOT GULING MENGULING, jelas beliau lagi. Tidak dapat dinafikan ada kalangan politik di Perlis sendiri bergembira dengan perletakan jawatan Datuk Jaafar itu.

"Saya cukup SAYANG pada Datuk Jaafar," katanya lagi. "Kami tidak ada pilihan lain, selagi Datuk Jaafar boleh mentadbirkan Negeri Perlis ini, kami patuh padanya. Tapi kerana KESIHATANNYA beliau terpaksa meletakkan JAWATANnya. Perlantikan saya sebagai Menteri besar Perlis hanya secara kebetulan saja, saya sangat terhutang budi dan berterima kasih kepada Datuk Jaafar, sebab keranayalah saya telah sampai ke kerusi ini. Saya tidak akan lupa atas jasa-jasa Datuk Jaafar yang telah memimpin saya serta beliau yang telah banyak memberi dorongan dalam DUNIA politik saya. Hari ini biarpun saya bertukar menjadi Menteri Besar, tetapi POLISI Kerajaan tidak akan bertukar," jelas Y.A.B. Tuan Haji Ali Ahmad.

Ketika kunjongan tinjauan politik di Perlis, sempat saya bertemu ramah dengan salah seorang sahabat Y.A.B. Haji Ali Ahmad iaitu Encik Abdul Rahman Ahmad, Pengerusi Dewan Pemiagaan dan Perusahaan Melayu Malaysia cawangan Perlis, beliau jua bekas Senator Negeri Perlis. Encik Abdul Rahman Ahmad sempat menceritakan secara lisan ringkasan riwayat hidup sahabatnya yang kini menjadi Nombor ONE MAN di Perlis.

Tuan Haji Ali Ahmad dilahirkan di Perlis dalam tahun 1926. Bersekolah Melayu hingga Darjah Lima, selepas itu melanjutkan pelajaran di Maktab Perguruan Sultan Idris, Tanjung Malim. Beliau pernah bertugas sebagai Guru Besar di Sekolah Tengku Budriah Arau, Perlis. Pada tahun 1973 beliau menjadi Pengerusi Penerangan UMNO Negeri Perlis. Pada tahun 1970 beliau menjadi Pengerusi Angkasa Negeri Perlis dan Ahli Jawatankuasa Kebangsaan Angkasa Malaysia. Tahun 1969 beliau menjadi Pengerusi Syarikat Kerjasama Pegawai-Pegawai Kerajaan di Perlis.

Beliau jua Pengerusi Persatuan Syarikat Kilang-kilang Padi Negeri Perlis. Pada tahun 1963 hingga 1968 menjadi Pengerusi Pasaran Padi Kerjasama Negeri Perlis, yang pada masa itu merupakan Wakil Tunggal yang dijalankan dalam rancangan pasaran padi. Beliau jua menjadi Naib yang Di Pertua Persatuan Guru-guru Melayu Negeri Perlis dari tahun 1963 hingga sekarang. Dalam tahun 1969 hingga sekarang menjadi Naib Pengerusi Majlis Belia Negeri Perlis. Pada masa ini Y.A.B. menjadi Setiausaha UMNO Bahagian Perlis Utara (Kangar) sejak 1971 hingga sekarang.

Selepas beliau bersara kerana dipilih menjadi Ahli Dewan Negara, beliau meletakkan jawatan yang melibatkan diri dalam perniagaan kerana tidak mahu mencampurkan politik untuk berniaga. Beliau telah masuk bertanding Ahli Majlis Dewan Undangan Negeri Kawasan Oran. Beliau berjaya mencapai kemenangan tanpa bertanding. Usahanya yang gigih sebagai seorang Ahli Dewan Undangan Negeri semasa beliau berjaya dalam pilihan raya, beliau dilantik oleh Datuk Jaafar menjadi Exco Kanan sehinggalah beliau menjawat jawatan MENTERI BESAR yang ada pada hari ini.

Politik Perlis pada keseluruhannya kalau ditinjau dari sudut mana pun pada saat ini merupakan politik yang tenang walaupun gulungan MONOLOG cuba mencari bahan untuk memanaskan Kerusi Y.A.B. Haji Ali Ahmad. Perlantikan Y.A.B. itu merupakan satu jalan untuk meredakan politik Datuk Jaafar Hassan sewaktu beliau menghadapi DELIMA kesihatannya. Dalam dunia politik, bila Pemimpin mengha-

dapi sebarang DELIMA, yang memusnahkan lebih ramai dari yang mau membina. Satu kesilapannya, tidak lagi mengingat jasa-jasanya selama itu. Tapi Y.A.B. Tuan Haji Ali Ahmad yang sempat merakamkan rasa kesalnya kepada setengah Pemberita-pemberita yang mencari sebarang bahan untuk memuatkan dalam akhbarinya.

“Datuk Jaafar tidak ada Komplot yang mau menggulingkannya. Kalau ada komplot yang menggulingkannya bererti saya yang melakukannya, kerana saya yang menggantikan tempat beliau. Tetapi perlangtikan saya adalah atas dorongan Datuk Jaafar dan kehendak TUHAN yang berkuasa.”

Perlis mempunyai dua Bahagian UMNO, Arau dan Kangar yang kesemua mempunyai dua belas kawasan UMNO. Bahagian Arau — 1) Bandar Arau, 2) Kurung Anai, 3) Hutan Naji, 4) Sanglang, 5) Kayang, dan 6) Kuala Perlis. Bahagian Kangar — 1) Bandar Kangar, 2) Bintong, 3) Paya, 4) Oran, 5) Titi Tinggi, 6) Chuping. Parlimen Arau Y.B. Tuan Syed Hassan bin Syed Mohamad telah menduduki dua kali dalam pilihanraya. Parlimen Kangar Y.B. Shaari Jusuh, beliau jua telah menduduki dua kali dalam kawasannya.

Apakah kesemua ini sanggup membuka seluarnya nanti bila Datuk Seri Dr. Mahathir mau melihat apa yang tersorok dalam kocek-kocek mereka?

Kerana politik Mahathir/Musa politik mau melihat bangsanya memahami ERTI kemerdekaan bukan melaungkan SUARA MERDEKA.

“Y,B. tolong buka seluar, saya mau tengok apa ada dalam KOCEK?” Suara ini nanti akan memberi peluang kepada pemimpin baru yang telah sedia membuka seluar untuk menunjukkan apa yang ada dalam kocek mereka.

S.W. **Apa faktor penting yang Amat Berhormat menceburkan diri dalam POLITIK?**

M.B. Faktor penting benda ni dah lamo, kita masuk politik ni samo dengan UMNO yang ditubuh. Belum ada UMNO lagi Persatuan Melayu Perlis, pada masa itu orang Melayu belum sedar lagi masalah kita ditindas oleh penjajah. Ini kesedaran hendak mengingatkan orang Melayu lepas dari penjajah itu. Asas kita masuk politik pada masa itu kita tidak terfikir lagi perkara pembangunan dan sebagainya kita tak nampak lagi;

Pertama, hendak melepaskan orang Melayu ni dari cengkaman penjajah. Itu asas perjuangan kita pada mula-mula. Kesedaran yang kita terima lepas dari penjajahan British, Siam dan Jepun. Dengan kesedaran bila kita tau orang-orang luar ini tidak dapat lagi memberi jaminan hidup kepada kita, bila kita senang mereka duduk, tapi bila kita susah mereka cabut, tinggal kita merana di negeri ini, siksa pada masa itu, jadi disebabkan kita susah pada masa Jepun, maka timbullah kesedaran, dan kerana kesedaran jua saya masuk politik. Saya masuk Persatuan Melayu Perlis, kemudian Persatuan ini joint semua Persatuan Melayu di tiap-tiap Negeri jadikan UMNO tahun 1946.

S.W. **Apakah langkah yang Amat Berhormat untuk membawa Perlis ke tahap keekonomian yang lebih berkesan?**

M.B. Hari ini kita ada dua cara dan rancangan yang akan kita laksanakan, yang pertama kita hendak memperbaiki taraf penduduk luar bandar terutamanya petani-petani di mana kita sedar orang inilah yang telah tertindas dalam hidup pada masa penjajah, hingga ke hari ini mereka masih belum dapat lagi untuk meningkatkan taraf ekonomi mereka, supaya sangat sesuai dengan rancangan Dasar Ekonomi Baru. Itu kita hendak buat.  
Kedua: Kita akan cuba menggalakkan dan memperluaskan bidang Industri ringan di Negeri Perlis, ini yang akan kita rancang sekarang.

S.W. **Bagaimana pula dengan keadaan masalah penduduk-penduduk di negeri Perlis yang meneroka Tanah Kerajaan untuk menjadi tempat mendirikan rumahtangga mereka yang telah berpuluh**

## **tahun masih tanpa memiliki GERAN?**

M.B. Benar ini satu masaalah, tanah itu mengikut undang-undang adalah salah untuk dijadikan tempat kediaman. 'Panggilan lain Tanah Haram'. Hal ini telah menjadi seluruh negeri Perlis. Kita telah melantik satu jawatankuasa khas untuk mengkaji kedudukan yang sebenar. Dan pada hari ini kita telah memberhentikan permintaan baru, kerana untuk menghabiskan permohonan lama yang lebih kurang 19,000 permohonan yang bertindih tindan. Ini ialah satu Dilema Negeri Perlis.

S.W. **Y.A.B. selaku Menteri Besar Perlis adakah benar Datuk Jaafar Hassan membawa Perlis ke arah kebengkerapan?**

M.B. Tidak. Datuk Jaafar Hassan seorang MB yang membawa Negeri Perlis ke arah kesetabilan tapi cita-citanya ta' sampai disebabkan beliau uzur, dan kami bagi pihak raayat semua menyokong rancangan yang dibuat olehnya. Apa rancangan yang dibuat oleh beliau adalah melalui perundingan bersama wakil-wakil raayat dan exco-exco kerajaan.

S.W. **Ke arah mana Y.A.B. akan membawa Perlis di bawah pimpinan Datuk Sri Dr. Mahathir untuk meninggikan taraf hidup masyarakat DESA supaya mereka dapat menyamakan ekonomi masyarakat KOTA?**

M.B. Itulah yang sepertimana saya sebutkan tadi kita akan memperbaiki sektor pertanian secara moden. Pertanian adalah sebahagian dari sumber hidup. Dan kita akan cuba sedaya upaya untuk mengubah pemikiran masyarakat DESA kita berharap supaya mereka dapat menerima cara Sains dan Teknologi pada hari ini.

S.W. **Apakah ada Komplot guling menguling di Perlis sepertimana setengah pemerhati politik mensifatkan?**

M.B. Setakat yang saya fikirkan keadaan Politik Perlis TENANG.

S.W. **Terima kasih yang Amat Berhormat.**

Dari tinjauan itu pengarang berpendapat Y.A.B. Encik Ali Haji Ahmad disifatkan sebagai seorang Menteri Besar yang tidak takut menemui sesiapa pun untuk ditemuramah kerana permainan politik beliau adalah BERSIH menjauhkan lawan, memperbanyakkan KAWAN. Pemerhati politik telah banyak menyoal jawap kepada pengarang sewaktu berada di Perlis, di antara soalan yang menarik perhatian ialah SIAPA SELEPAS Y.A.B. Encik Ali Haji Ahmad?

Pengarang terpaksa menanyakan mereka balik, "SIAPA SANGGUP BUKA SELUAR DI PERLIS?" Pertanyaan lucu ini menyebabkan mereka semua ketawa! "Buka seluar untuk mengetahui apa yang ada di dalam koceknnya," jelas pengarang kepada mereka.

Hari ini ada anak watan di Perlis yang sanggup buka seluar. Beliau sanggup membukanya kerana koceknnya telah penuh dengan kaca. Ini semua raayat Perlis mengetahuinya. Biarlah namanya dirahsiakan dahulu, kerana takut nanti ada orang lain yang tidak boleh makan dan tidur malah mungkin ada yang akan bunuh diri. Maalumlah, bakal menjadi Menteri Besar. Tiba-tiba muncul seorang yang ta'ada ekor jadi kepala, hati mana yang tak kan hancur! Anak Watan ini masuk UMNO di Kelang. Pada masa itu beliau telah meletakkan jawatannya sebagai Tuan Hakim kerana keinginannya untuk membuka FIRMA sendiri. Setelah mendapat pengalaman selama empat tahun setengah barulah beliau mempunyai keyakinan dirinya sendiri.

Ayahnya seorang yang telah banyak berbakti kepada bangsa dan negara.

Siapa yang merintis TABUNG HAJI?

Siapa yang merintis Dewan Bahasa dan Pustaka?

Siapa yang memujuk Datuk Harun mendirikan Bank Raayat?

Siapa yang merintis mendirikan Kolej Islam Kelang?

Banyak lagi jasa-jasa beliau yang tak perlu disebut lagi kerana mereka tidak suka dipuja-puji.

Ini hanya orang-orang politik yang dapat menjawabnya.

Tun Razak semasa hayatnya mahukan Anak Watan itu joint UMNO, tapi malangnya permohonan menjadi ahli UMNO di Kangar telah tidak diterima pada masa itu sewaktu ayahnya menjadi Duta di Arab Saudi. Tapi akhirnya Tun Razak menasihatkan supaya beliau masuk UMNO di Kelang sahaja. Maka itulah Anak Watan tersebut masuk UMNO di Kelang kerana di Kelanglah tempat permulaan perniagaannya. Beliau pernah menjadi yang DiPertua Mahkamah Kelang, pada tahun 1970. Walaupun bertukar menjadi Timbalan Pendakwa Raya di Selangor, namun hubungan beliau dengan orang-orang di Kelang tidak terjejas.

Sebaik sahaja beliau diterima masuk menjadi Ahli UMNO, beliau jua telah dijemput untuk menghadiri mesyuarat pada keesokan harinya. Dalam mesyuarat itu beliau telah dilantik dengan sebulat suara menjadi Ketua Pemuda UMNO Kelang, cawangan Kampong Jawa. Menang tanpa bertanding. Bahagian Shah Alam pada tahun 1973. Beliau menjadi Ahli UMNO ketika berumur 31 tahun. Pada tahun 1974 dilantik menjadi Naib Ketua Pemuda Bahagian Shah Alam, sehingga tahun 1977. Tahun itu jua beliau menerima seruan dari kawan-kawan yang memerlukan tenaga beliau yang telah lama meninggalkan Perlis. Atas desakan ini, dan telah tiba masanya untuk beliau memberikan tenaga bakti di kampung halamannya sejak bertahun-tahun berdagang di rantau orang. Pada tahun 1976 beliau merupakan Peguam Anak Melayu yang berjaya dalam kerjayanya. Beliau salah seorang peguam di Malaysia yang paling berani menghadiri sebarang kes di Mahkamah, kerana bukan semua Peguam itu, kerjanya pergi ke Mahkamah, malah masih banyak Peguam-peguam yang mengupah Peguam lain untuk menghadiri MAHKAMAH. Beliau jua tidak pernah menggunakan Gengster untuk menakutkan sesiapa dalam kes atau di luar Mahkamah sepertimana yang dilakukan oleh setengah-tengah Peguam lain. Kerana ada Peguam yang menggunakan Gengster untuk mengugut Si penuduh supaya tidak menghadiri Mahkamah, dengan cara ini dapat memberi point kepada Peguambela.

Sebagai bukti yang beliau mempunyai Potensi Politik yang baik, setelah beliau menukarkan ahlinya dari cawangan Kampong Jawa, ke ca-

wangan Padang Katong, Perlis, Datuk Jaafar Hassan mengalu-ngalukan kedatangan beliau menjadi ahli UMNO Cawangan tersebut.

Sehari selepas UMNO cawangan itu menerima beliau menjadi Ahli UMNO, mereka membuat perjumpaan untuk mengadakan jamuan sempena meraikan bekas Tuan Hakim itu. Tidak pernah berlaku dalam sejarah Menteri Besar turut menghantar dua orang exco kanan iaitu YB Ahmad Said dan YB Ah Chu untuk menyambut Tuan Hakim itu sebagai ahli baru.

Pada tahun 1979 Tuan Hakim dilantik menjadi Ketua Pemuda dan jua jawatankuasa cawangan. Dasar Tuan Hakim berlain dari politik suasana, pada tahun 1980 beliau menguji dirinya sendiri untuk mendapatkan sebuah kerusi dalam jawatankuasa BAHAGIAN, bukan beliau merebut kerusi itu, kerana kerusi itu kosong. Untuk pertama kalinya beliau menduduki kerusi nombor 8, itu memberi erti tanda-tanda yang baik dalam Dunia Politiknya yang mana jumlah keseluruhannya dua belas orang.

Tuan Hakim telah melompat ke dunia politik sebagai permainan GAMES OF IMPOSSIBLE. Bila ditanya pengalamannya dalam pertandingan untuk mendapatkan kerusi, Tuan Hakim menjawab, "Saya terok!" beliau tidak mau melanjutkan cerita. Bagaimana pula orang-orang yang berebut untuk mendapatkan kerusi? Walaubagaimana RADZI anak Pak Sheikh mempunyai pengaruh ayahnya yang masih membara ini, tidak siapa dapat menafikan. Kalau ayahnya tidak mempunyai jasa yang boleh dinilai, apakah University Malaya mengurniakan Doktorat Sain kepada beliau itu dianggap tidak diiktirafkan? Berapa ramai pemimpin di Perlis menerima kurniaan Tan Sri? Siapa yang pertama menerima Darjat itu? Raayat Perlis dapat menjawab semuanya itu. Walau bagaimanapun Darjat bukan menjadi ukuran, yang penting budi baik seorang manusia. Mereka tidak mahu itu semua dijadikan ukuran.


Radzi Tan Sri Sheikh Ahmad dilahirkan di Kangar Perlis, pada tahun 1942, mendapat didikan di Sekolah Melayu Kangar, kemudian

melanjutkan pelajaran ke Sekolah: DERMA sehingga tahun 1956. Sampai tingkatan dua beliau terpilih memasuki Maktab Tentera Persekutuan (sekarang dinamakan Maktab Melayu diRaja). Anak Perlis yang pertama terpilih memasuki sekolah tersebut, mereka terdiri dari empat orang mewakili negeri Perlis.

Pada tahun 1957 beliau memulakan sekolah tersebut di Port Dickson, Sekolah Maktab Tentera di Raja. Kerana seorang kawan telah meninggal dunia, jadi kami tinggal tiga, salah seorang sahabat saya ialah Guru Besar di sebuah sekolah di Perlis. Tamat pengajiannya pada tahun 1960 di Sekolah Pengajiannya di Maktab Tentera di Raja, tamat dalam tahun 1960. Pada tahun 1961 beliau berada di Singapura untuk membuat persiapan pergi ke luar negeri. Di Singapura beliau mempunyai hubungan dengan David Marshall. Penghujung tahun 1961 beliau berangkat pergi keluar negeri. Tahun 1968 berkhidmat sebagai Timbalan Pendakwa Raya di Kuala Lumpur di bawah pimpinan Datuk Haji Suhaimi. Jasa Tun Razak telah mendapatkan Radzi anak Pak Sheikh menuntut di Temple University, London.

Radzi akan bertanding mengikut kemahuaran raayat. Radzi tidak akan bertanding kalau hanya untuk berebut kerusi, sebaliknya beliau hanya bertanding dengan kerusi-kerusi yang dikosongkan.

Pemerhati politik mensifatkan, setakat ini telahpun ada kerusi yang akan dikosongkan untuk Radzi kerana Radzi dapat diterima dari semua gulungan di Perlis. Kerusi itu bukan setakat kerusi kawasan Negeri malah kerusi Kawasan Parlimen pun mungkin ditawarkan kepadanya. Walaubagaimana Radzi hanya akan bertanding mengikut ke mana raayat Perlis amnya. Apakah Mahathir/Musa boleh menyuruh Y.B. kawasan Negeri dan kawasan Parlimen di Malaysia membuka seluar untuk mengetahui apa-apa yang telah disorokkan dalam kocek-koceknya seperti Yang Berhormat-Yang Berhormat lain di seluruh Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.



19,000 penduduk mengharapkan untuk mendapatkan GERAN milik tanah usang, tanah pasang surut, bukan tanah HARAM. Tapi masih hidup dalam Delima.

Politik tidak boleh dipisahkan dengan Tanah. Selagi isu Tanah tidak reda, selagi itu politik kencang berkocak!